



MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

## DEWAN NEGARA

*Senate*

### PARLIMEN KETUJUH

*Seventh Parliament*

### PENGGAL KEEMPAT

*Fourth Session*

---

Jilid IV

Bil. 1

Hari Isnin

19hb Mac, 1990

---

#### KANDUNGANNYA

##### MENGANGKAT SUMPAH:

Y.B. Jen.(B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Scth

Y.B. Tuan Lim Chien Aun

Y.B. Tuan Abdul Rashid bin Ismail

Y.B. Tuan Azman Atar bin Othman

Mengangkat Sumpah di Luar Dewan:•

Y.B. Tuan Mohd. Wajdi bin Dato' Haji Ishak

Y.B. Puan Hajjah Rosnah binti Mhd Salleh (Ruangan 1)

##### PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Mengalu-alukan Ahli-ahli Baru (Ruangan 2)

Titah Ucapan Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang  
di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah (Ruangan 2)

Memperkenankan Akta-akta (Ruangan 3)

Perutusan daripada Dewan Rakyat (Ruangan 4)

##### URUSAN MESYUARAT

(Ruangan 5)

##### JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan 6)

##### USUL-USUL:

Jalan-jalan Masuk ke Parlimen (Ruangan 35)

Jawatankuasa Pemilih - Lantikan Ahli-ahli (Ruangan 36)

Ucapan Terima Kasih kepada Kebawah D.Y.M.M. Seri  
Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan  
Azlan Shah - Y.B. Tuan Mohd. Wajdi bin Dato'  
Haji Ishak (Ruangan 38)



DN.19.3.90

**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Isnin, 19hb Mac, 1990**

**Hesyyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**D O A**

**(Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyyuarat**)**

**MENGANGKAT SUMPAH**

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:-

1. Jen.(B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato'  
Mohd. Seth;
2. Tuan Lim Chien Aun;
3. Tuan Abdul Rashid bin Ismail;
4. Tuan Azman Atar bin Othman.

**MENGANGKAT SUMPAH DI LUAR DEWAN**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Majlis Mesyyuarat 4(3), saya dengan ini memberitahu Dewan iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat yang berikut telah mengangkat Sumpah di hadapan saya pada tarikh-tarikh yang dinyatakan mengikut kehendak Jadual Keenam dalam Perlembagaan:

1. Tuan Mohd. Wajdi bin Dato' Haji Ishak pada  
20hb Februari, 1990; dan
2. Puan Hajjah Rosnah binti Mohd. Salleh pada  
20hb Februari, 1990.

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA  
MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengangkat Sumpah di hadapan saya pada tarikh-tarikh yang dinyatakan itu. Saya berharap semoga Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru dilantik, dipilih dan dilantik semula itu dapat memberikan sumbangan yang berguna, dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga mereka dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

**TITAH UCAPAN KEBAWAH D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA  
YANG DI-PERTUAN AGONG SULTAN AZLAN SHAH**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya memaklumkan kepada Majlis ini iaitu pada pagi 26hb Februari, 1990 Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah Ucapan Diraja dalam Parlimen. Saya telah menerima salinan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia itu dan seterusnya sekarang saya mengarahkan supaya salinan Titah Ucapan itu dibentangkan di atas Meja Mesyuarat dan seterusnya dicetak dalam Penyata Rasmi Parlimen.

**[Teks Titah Ucapan D.Y.M.M. Diedarkan]**

**MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mempersetujui Akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Penggal yang lalu seperti berikut-

1. Akta Perbekalan, 1990;
2. Akta Perbekalan Tambahan (1988 dan 1989) 1990;
3. Akta Kewangan, 1990;
4. Akta Kewangan (No.2) 1990;
5. Akta Mahkamah Kahakiman (Pindaan) 1990;
6. Akta Pertubuhan (Pindaan) 1990;
7. Akta Pelabuhan-pelabuhan (Penswastan) 1990;
8. Akta Lembaga Pembangunan Langkawi, 1990;
9. Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) (Pindaan) 1990;
10. Akta Pinjaman Tempatan (Pindaan) 1990;
11. Akta Pelaburan Kerajaan (Pindaan) 1990;
12. Akta Bank Negara Malaysia (Pindaan) 1990;
13. Akta Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 1990;
14. Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1990;
15. Akta Hakmilik Strata (Pindaan) 1990;
16. Akta Timbang dan Sukat (Pindaan) 1990;
17. Akta Rumah Perjudian Terbuka (Pindaan) 1990;
18. Akta Jualan Barang (Pindaan dan Perluasan) 1990;
19. Akta Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Pindaan) 1990;

20. Akta Bank Pertanian Malaysia (Pindaan) 1990;
21. Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan).  
1990;
22. Akta Lembaga Pertubuhan Peladang (Pindaan) 1990;
23. Akta Lembaga Kemajuan Pertanian MUDA (Pindaan) .1990;
24. Akta Lembaga Kemajuan Pertanian KEMUBU (Pindaan) 1990;
25. Akta Lembaga Padi dan Beras Negara (Pindaan) 1990;
26. Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan) 1990; dan
27. Akta Bahasa Kebangsaan (Pindaan) 1990.

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT**

**Tuan Yang di—Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut.

Sekarang saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu.  
Dipersilakan,

**[Setiausaha membacakan Perutusan]**

"16hb Mac, 1990.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat -telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara merapersetujukannya:-

1. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1989);
2. Rang Undang-undang Kawalan Bekalan (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Seri Pahlawan Gagah Perkasa (Elaun Kenangan);
4. Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Pilihanraya (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Kesalahan Pilihanraya (Pindaan);

7. Rang Undang-undang Zon Bebas ;
8. Rang Undang-undang Levi- Kenderaan Barang-barang (Pindaan); dan
9. Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) (Pindaan) .

Yang ikhlas,  
t .t.  
YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT."

#### URUSAN MESYUARAT

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman [Dato' Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud]:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam Perutusan itu dibacakan kali yang 'Kedua dan Ketiganya di Mesyuarat **ini**.

1. Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (1989);
2. Rang Undang-undang Kawalan Bekalan (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Seri Pahlawan Gagah Perkasa (Elaun Kenangan);
4. Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Pilihanraya (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Kesalahan Pilihanraya (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Zon Bebas ;
8. Rang Undang-undang Levi Kenderaan Barang-barang (Pindaan); dan
9. Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) (Pindaan).

**TuanYangdi—Pertua:Baiklah**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN****BOT NELAYAN - TEMPAT MELABUH**

1. **Tuan Mustafa bin Awang** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah benar ada cadangan untuk mengubah tempat melabuh bot-bot nelayan Thailand yang telah dirampas, yang sekarang ini ada kira-kira lebih dari dua-puluh bot sedang dilabuhkan di Pelabuhan Perikanan. Cenderung sehingga menimbulkan kesesakan laluan kepada nelayan-nelayan yang hendak mendarat di Pelabuhan tersebut; dan bilakah masanya akan berbuat demikian.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Tuan Ong Tin Kim]:**

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah mengemukakan cadangan untuk mengadakan satu tapak khas yang dikenali sebagai 'Penjara Bot' di Selatan Pelabuhan Cendering di bawah Rancangan Malaysia Keenam. Kementerian telah mengambil langkah yang sewajarnya untuk melupuskan bot-bot rampasan dengan secepat mungkin untuk mengelakkan kesesakan laluan kepada nelayan-nelayan yang hendak mendarat di Pelabuhan tersebut. Kebanyakan bot-bot yang ada di Pelabuhan Cendering adalah bot-bot yang belum selesai perbicaraan kes yang mana penjagaan yang rapi perlu diadakan oleh kerana jika kes belum selesai, dan bot hilang, maka Kementerian adalah bertanggungjawab atas apa-apa tuntutan sivil bot-bot rampasan yang dicuri itu. Adalah dijangka 'Penjara Bot' di Pelabuhan Cendering akan dimulakan pada tahun 1991 iaitu di bawah Rancangan Malaysia Keenam apabila masalah pengambilan tanah telah selesai.

**Tuan Muatafa bin Awang:** Tuan Yang di-Pertua, apakah dengan bilangan yang sebanyak itu, pihak Kementerian ini tidak berupaya menyelesaikannya, yang sangat memalukan.

Yang keduanya, apakah Kementerian sedar bot-bot ini telahpun tenggelam sebanyak empat buah yang menjadi satu halangan yang besar sehingga hari ini bot-bot yang tenggelam ini tidak diambil peduli langsung oleh Jabatan dan Kementerian yang berkenaan?

Yang akhir sekali, apakah Kementerian memikirkan bahawa dengan mengalih atau maengubah tempat ini memakan masa yang begitu panjang?

**Tuan Ong Tin Kim:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bilangan bot yang ada pada sekarang di Pelabuhan Cendering adalah 19 buah. Dari 19 buah ini, 8 buah telahpun ditahan dan kes ini sedang dibicarakan di mahkamah .

Jadi, kita tidak boleh buat apa-apa di atas lapan bot ini dan bakinya 19 sedang dalam proses memperbaikinya. Jadi, lain-lainnya.....\*.

**Tuan Mustafa bin Awang:** Tuan Yang di-Pertua, lapan dalam perbicaraan, sebelas sudah selesai untuk dibaiki untuk apa? Untuk dilelong, untuk dijual atau untuk diambil hasil oleh Kerajaan?

**Tuan Ong Tin Kim:** Tuan Yang di-Pertua, bot-bot yang dirampas ini akan diambilalih oleh Kementerian atau agensi-agensi yang menghendaki bot-bot itu. Dalam masa tahun sudah ini kebanyakan bot-bot itu diambilalih oleh Kementerian Dalam Negeri melalui agensi-agensinya seperti TUDM, TLDM, Tentera Darat, Majlis Keselamatan Negeri dan polis. Jadi, kesemua bot-bot yang dibaikpulih, dialihkan kepada agensi-agensi tersebut. Cuma.....

**Tuan Mustafa bin Awang:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Keterangan yang diberi oleh Kementerian adalah bercanggah. Pada mulanya Kementerian menyatakan bahawa semua bot-bot ini dalam proses perbicaraan mahkamah, tidak selesai. Keterangan yang kedua, Kementerian menyatakan bahawa lapan daripadanya belum selesai dan sebelas telah selesai. Keterangan yang ketiga, bot-bot ini akan diberi kepada agensi-agensi yang berkenaan sepertimana yang diterangkan. Apa salahnya bot-bot itu diserahkan daripada sekarang ini kepada Kementerian ataupun agensi-agensi yang berkenaan dan Kementerian dan agensi berkenaanlah yang akan membaikpulih bot itu.

**Tuan Ong Tin Kim:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak ada apa-apa percanggahan di dalam jawapan saya. Saya kata yang ada pada masa sekarang ialah 19 buah di mana 8 buah sedang dalam perbicaraan kes mahkamah, 11 buah dalam proses memperbaikinya dan yang sudah dibaiki dan kes yang sudah diselesaikan itu telah dialihkan kepada agensi-agensi berkenaan.

Berkenaan dengan syor dan cadangan Yang Berhormat supaya bot-bot itu tidak payah dibaiki dan dialihkan kepada agensi-agensi yang berkenaan itu, kita berbincang dengan agensi-agensi yang berkenaan, tetapi kita tidak tahu bahawa agensi-agensi itu mahu atau tidak bot-bot yang tidak dibaiki, kerana bagi Kementerian Pertanian, bot-bot yang tidak dapat dibaiki akan dihancurkan. Yang mana bot-bot yang dapat dibaikpulih itu akan diperbaiki dan diserahkan kepada agensi-agensi yang berkenaan,

**Tuan Azman Attar bin Osman:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kalau dibenarkan Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini bertanya, saya rasa mungkin Yang Berhormat berpeluh untuk menjawabnya. Saya mencadangkan supaya Yang Berhormat mengadakan satu hari taklimat kepada kami semua Ahli Dewan Negara di Kementerian, dalam masa minggu ini atau minggu depan, Kami berakhir pada 28 haribulan. Masa taklimat kami nanti, tolong beri 'lunch' untuk kami semua [**Ketawa**]. Okay, Cuma satu sahaja saya hendak bertanya oleh kerana Yang Berhormat menyebut tadi hendak mengadakan satu kawasan penjara bot, ini satu perkara yang baru kita dengar. Cerita bot ini sudah lama kita dengar tetapi masih belum dapat diatasi. Kalau ada penjara untuk bot-bot ini perlukah pakai warder untuk menjaga. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat.

**Tuan Ong Tin Kim:** Tuan Yang di-Pertua, skim-skim dan program-program ini sedang dirancangkan. Jadi, saya tidak pasti adakah warder-warder diperlukan. Mungkin akan diadakan tali atau rantai besi.

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, nanti orang curi bot siapa yang akan bertanggungjawab.

**Tuan Ong Tin Kim:** Tuan Yang di-Pertua, kita cuma hanya dapat mengawalinya sedapat mungkin atau sedaya—upaya. Jikalau ada warderpun kadang-kadang ada barang-barang yang hilang [**Ketawa**]. Jadi, kita tidak pastilah bahawa barang-barang yang dikawal itu tidak boleh hilang.

Berkenaan dengan cadangan mengadakan satu taklimat kepada semua Ahli-ahli Dewan Negara, saya akan mengemukakan syor itu kepada Kementerian saya.

**Tuan Mustafa bin Awang:** Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh, sila.

**Tuan Mustafa bin Awang:** Tuan Yang di-Pertua, penjara bot ini hendak dibuat di dalam air ataupun di atas darat [**Ketawa**].

**Tuan Ong Tin Kim:** Tuan Yang di-Pertua, setahu saya penjara ini akan diadakan di dalam laut. [**Ketawa**]

#### RUMAH KANAK-KANAK SISTEM PONDOK

2. **Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk meluaskan projek sistem pondok atau keluarga ganti memandangkan ianya begitu baik dan berkesan. Adakah apa-apa bayaran yang diberi kepada keluarga ganti itu.

**Setiausah Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat [Tuan Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebajikan Masyarakat bercadang membina 2 buah lagi Rumah Kanak-kanak Sistem Pondok dalam Rancangan Malaysia Keenam sebagai usahanya memperluaskan projek tersebut. Sebuah daripadanya akan dibina di Batu Rakit, Kuala Terengganu dan sebuah lagi di Dungun, Terengganu.

Namun demikian, Kementerian Kebajikan Masyarakat sentiasa menggalakkan pembinaan projek Rumah Kanak-kanak Sistem Pondok ini seberapa banyak yang boleh sekiranya ada firma-firma swasta yang berminat untuk memberi sumbangan terhadap pembinaannya.

Keluarga ganti yang menyertai projek Rumah Kanak-kanak Sistem Pondok ini adalah diberi tempat tinggal dan menikmati kemudahan-kemudahan di dalamnya dengan percuma. Selain daripada itu mereka juga diberi imbuhan sebanyak \$350.00 sebulan. Semua perbelanjaan kanak-kanak yang berupa perbelanjaan persekolahan, pakaian dan lain-lain adalah ditanggung oleh Kerajaan dan Tabung Derma Rumah tersebut.

#### MAS - PENUMPANG YANG TERKANDAS

**3. Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah** minta Menteri Pengangkutan menyatakan langkah yang diambil oleh pihak MAS bagi mengatasi "Penumpang Terkandas" di Lapangan Terbang Subang yang melibatkan penumpang Australia baru-baru ini, lebih-lebih lagi di dalam kempen "Tahun Melawat Malaysia."

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail]:** Tuan Yang di-Pertua, penerbangan Malaysia telahpun mengambil langkah-langkah untuk memastikan bahawa penumpang-penumpang tidak terkandas di negara ini seperti berlaku dengan pelancong-pelancong Australia baru-baru ini di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang, Langkah-langkah ini adalah:

- (i) memberitahu agen pengembaraan atau travel agent, dengan izin, supaya menerangkan kedudukan sebenar tempahan-tempahan penumpang. Ini adalah disebabkan ada terdapat agen-agen yang mengeluarkan tiket kepada penumpang dengan perjalanan yang disahkan, dengan izin, confirmed, walaupun penumpang-penumpang berkenaan masih disenarai menunggu ataupun dengan izin, on the waiting list;
- (ii) memberitahu penumpang yang singgah di satu-satu destinasi lebih dari 72 jam supaya mengesahkan tempahan mereka kembali. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan tempahan mereka dibatalkan; dan
- (iii) memberitahu penumpang yang mempunyai tiket penerbangan terbuka, dengan izin, open dated, supaya membuat tempahan sebaik-baik sahaja mereka membuat keputusan berkenaan penerbangan mereka.

Kementerian Pengangkutan yakin bahawa langkah-langkah yang telah diambil ini adalah memadai untuk mengelakkan peristiwa sedemikian berulang lagi. Suka saya memaklumkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa masalah-masalah yang dihadapi oleh MAS telah banyak diatasi, dan perkhidmatan-perkhidmatan MAS kini berjalan dengan licin dan dengan demikian tidak akan mempunyai kesan yang buruk terhadap Kempen 'Tahun Melawat Malaysia'.

**MAJLIS KEBUDAYAAN NEGARA**

**4. Puan Norani bin Beluah** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian dalam usaha untuk mengemaskinikan lagi Majlis Kebudayaan Negara, Negeri-negeri dan Daerah-daerah dalam menyekat perkembangan gejala-gejala kebudayaan kuning yang begitu berleluasa sekarang yang boleh membawa keruntuhan akhlak dan moral anak-anak muda pada masa ini.

**Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan [Dato' Ng Cheng Kuai]:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebutkan sebagai Majlis Kebudayaan Negara itu barangkali dimaksudkan sebagai Majlis Penasihat Kebangsaan Berkenaan Kebudayaan (MPKKB). Kementerian telahpun menubuhkan MPKKB, Majlis Kebudayaan Negeri (MKN) dan Majlis Kebudayaan Daerah (MKD) ke arah pembinaan dan pembangunan kebudayaan negara ini.

Program-program yang dijalankan oleh MPKBK, MKN dan MKD ini antara lainnya adalah ke arah memberi kesedaran dan penghayatan kepada masyarakat mengenai kebudayaan tempatan di samping memberi keinsafan terhadap bahaya pengaruh budaya kuning yang boleh meruntuhkan akhlak dan moral masyarakat di negara ini.

Program-program yang dijalankan termasuklah seminar kebudayaan, bengkel-bengkel kepimpinan kebudayaan, kem-kem budaya, kursus-kursus kebudayaan dan kesenian dan sebagainya.

Selain dari itu, Kementerian ini sentiasa bekerjasama dengan lain-lain agensi khususnya yang terlibat secara langsung dengan media cetak dan media elektronik dalam mencegah gejala-gejala kebudayaan kuning daripada mempengaruhi masyarakat di negara ini.

Antara lainnya, Kementerian ada memberi pandangan tentang penerbitan-penerbitan yang berbau kebudayaan kuning dan mengemukakan syor-syor bagi menggalakkan penyebaran unsur-unsur kebudayaan tempatan negara kepada masyarakat dengan lebih luas lagi. Walau bagaimanapun, Kementerian ini berpendapat gejala-gejala kebudayaan kuning sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu adalah dalam keadaan terkawal.

Kementerian **ini**, dengan kerjasama yang erat dari lain-lain agensi yang berkenaan sentiasa berusaha ke arah membentaras perkembangan unsur-unsur kebudayaan kuning daripada mencemari kebudayaan tempatan kita.

**Puan Mazidah binti Haji Zakaria:** Tuan Yang di-Pertua, soalan

tambahan saya ringkas sahaja, dari segi pandangan Kementerian sendiri, apakah dia takrifan "kebudayaan kuning" itu?

**Dato' Ng Cheng Kuai:** Tuan Yang di-Pertua, takrifan kebudayaan kuning bermakna kebudayaan yang melibatkan sesuatu yang tidak diingini yang melibatkan barangkali satu aspek seks yang tidak patut dipandang oleh golongan yang masih muda lagi.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta maaf, sila Yang Berhormat Puan Ainon dahulu.

**Puan Ainon binti Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri berkenaan ialah mengenai perkataan "terkawal" - kebudayaan kuning di negara kita ini "terkawal". Saya ingin mendapat penjelasan mengenai istilah "terkawal" kerana apa yang berlaku tidak terkawal.

**Dato' Ng Cheng Kuai:** Tuan Yang di-Pertua, takrif saya mengenai perkataan "terkawal" bermakna kalau kita pergi ke Kuala Lumpur atau mana-mana tempat di Malaysia, di kedai-kedai buku atau di tepi jalan, tidak senang atau amat sukar kalau sesiapa hendak memperolehi bahan-bahan penerbitan mengenai kebudayaan kuning dan mengikut pendapat kita masalah kebudayaan kuning ini pun tidak berleluasa seperti yang barangkali didakwa oleh penyoal soalan tadi.

**Dato<sup>1</sup> Haji Zakaria bin bin Haji Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah hendak membincangkan soal kebudayaan kuning tetapi masalah dari segi pentadbiran. Semasa masalah kebudayaan ini di bawah Kementerian Belia dan Sukan, ada pegawai-pegawai tempatan di tiap-tiap daerah. Bilakah Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan akan menempatkan Pegawai Kebudayaan dan Pelancongan di daerah-daerah untuk menyekat dan meningkatkan kemajuan kebudayaan di negara kita

ini, Bilakah agaknya dapat ditempatkan Pegawai Kebudayaan dan Pelancongan di peringkat Daerah?

**Dato' Ng Cheng Kuai:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Senator **itu**, tetapi dalam hal perjawatan atau penempatan pegawai, ini melibatkan perbelanjaan yang memerlukan kelulusan pihak Perbendaharaan.

#### PELABURAN LUAR NEGERI KE NEGERI PAHANG

**5. Tuan Foo Boon Liang** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) jumlah pelabur-pelabur luar negeri yang tercicir untuk terus melabur di negara kita khususnya di negeri Pahang Darul Makmur pada tahun 1989;
- (b) mengapakah mereka tidak menunaikan perjanjian mereka itu; dan
- (c) apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian bagi meyakinkan para pelabur luar **negeri** agar mereka akan terus melabur di negara kita; dan
- (d) apakah jenis perniagaan yang ditarik balik itu.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian [Dato' Kok Wee Kiat]:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang sebenarnya dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah bukan projek-projek yang tercicir tetapi projek-projek yang diluluskan tetapi tidak dilaksanakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 1989 sebanyak 11 projek dengan pelaburan asing telah diluluskan di negeri Pahang. Walau bagaimanapun, adalah sukar untuk mengetahui status pelaksanaan projek-projek ini. Ini adalah kerana projek-projek yang diluluskan biasanya dilaksanakan dalam tempoh di antara 6 bulan sehingga satu tahun. Peringkat pelaksanaan projek-projek ini boleh diketahui

apabila MIDA menjalankan bancian kemajuan pelaksanaan projek-projek setakat 31hb Disember, 1989 pada pertengahan tahun 1990.

Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat, berasaskan kajian kemajuan pelaksanaan yang dijalankan oleh MIDA bagi projek-projek yang diluluskan setakat 31hb Disember, 1988, adalah didapati dari 4,899 projek yang diluluskan (1980-1988), sebanyak 48.5% telahpun beroperasi manakala sebanyak 30.1% adalah dalam peringkat pelaksanaan. Hanya sebanyak 21.4% masih belum dilaksanakan. Dari-pada jumlah projek 4,899 ini, 151 projek adalah di negeri Pahang. Dari segi pelaksanaan projek-projek ini adalah didapati 32.5% telahpun beroperasi, manakala 18.5% dalam peringkat pelaksanaan. Sebanyak 49.0% masih tidak dilaksanakan.

Di antara sebab-sebab projek ini tidak dilaksanakan adalah kerana masalah kewangan, pengurusan, kepakaran teknikal dan pasaran.

Bagi projek-projek yang diluluskan tetapi tidak dilaksanakan, Kerajaan akan mengambil tindakan susulan untuk mengetahui sebab-sebab projek-projek ini tidak dilaksanakan dan memberi bantuan di mana perlu. Untuk projek-projek yang tidak mempunyai alasan munasabah kenapa tidak dilaksanakan, tindakan untuk menarik balik kelulusan akan diambil oleh Kerajaan.

#### PENCEN KAKITANGAN KERAJAAN

6. **Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah benar pencen kakitangan Kerajaan yang baru akan dihapuskan;
- (b) pekerja dari tahun berapakah yang tidak masuk dalam skim pencen; dan
- (c) tidakkah ini akan menjejaskan pekerja yang mengharapkan menerima pencen sesudah tidak bertugas lagi.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk menghapuskan pencen bagi kakitangan baru yang akan dilantik.

Walau bagaimanapun, pilihan akan diberi kepada mereka untuk mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ataupun masuk skim berpencen.

#### **PELAJAR LULUSAN UJIAN PENILAIAN SEKOLAH RENDAH**

7. **Tuan Shuib bin Endut** minta Menteri Pendidikan menyatakan:
- (a) mengapa pelajar-pelajar yang lulus UPSR (Ujian Penilaian Sekolah Rendah) dengan cemerlang dari Sekolah Rendah Kebangsaan (yang dahulunya aliran Inggeris) tidak dapat memasuki sekolah-sekolah berasrama penuh berbanding dengan pelajar-pelajar yang berkelulusan yang sama dari Sekolah-sekolah Kebangsaan;
  - (b) apakah langkah-langkah persediaan yang diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk mengatasi masalah kewangan di sekolah-sekolah luar bandar kerana secara umumnya kos hidup sekarang kian meningkat;
  - (c) bagaimanakah kedudukan matapelajaran Kewarganegaraan di sekolah rendah, menengah dan universiti sekarang ini, dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memperkukuhkan pengajarannya di semua peringkat; dan
  - (d) berapakah bilangan guru-guru kategori C1 di seluruh negara.

**Menteri Pendidikan [Tuan Anwar Bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya duka menjelaskan pertamanya kepada Ahli Yang

Berhormat, bahawa adalah tidak benar bahawa pelajar-pelajar Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan telah tidak dipilih untuk memasuki Sekolah Asrama Penuh. Kenyataan menunjukkan bahawa lebih kurang 30% dari keseluruhan pelajar-pelajar yang diterima masuk ke sekolah asrama penuh ialah pelajar-pelajar dari Sekolah Rendah Kebangsaan yang dahulunya merupakan Sekolah Rendah aliran Inggeris. Tetapi keutamaan tetaplah diberikan kepada Sekolah Kebangsaan, memandangkan kemudahan dan kedudukan.sekolah-sekolah ini yang di luar bandar atau di kawasan pendalaman dan kedudukan sosio-ekonomi ibubapa dianggap lebih miskin. Lebih dari 19,000 pelajar yang memperolehi 5A yang layak dipertimbangkan tetapi saya percaya tidak semuanya mampu diserapkan masuk ke Sekolah Asrama Penuh. Oleh kerana tidak kesemuanya dapat diterima masuk inilah yang menimbulkan sedikit sebanyak kegelisahan kerana ada ibubapa yang menganggap bahawa syarat 5A itu merupakan syarat minima. Pada hal ada pelajar-pelajar dari keluarga yang paling miskin di kalangan petani, nelayan, buruh kasar yang diterima masuk ke Sekolah Asrama Penuh, umpamanya Sekolah Menengah-Sains Ceras, walaupun mereka hanya memperolehi 1A atau 2A.

Soalan yang kedua, yang menyentuh mengenai langkah-langkah persediaan yang diambil oleh Kementerian. untuk mengatasi masalah kewangan terutama di sekolah luar bandar. Di antara langkah-langkah tersebut ialah peruntukan yang jauh lebih besar bagi sekolah-sekolah luar bandar, bantuan geran perkapita yang ditingkatkan dan juga bantuan-bantuan tambahan yang mendesak. Dari maklumat yang kita perolehi sekarang nyatalah bahawa sekolah-sekolah luar bandar atau pendalaman memang diberikan keutamaan dalam apa-apa jenis peruntukan atau bantuan Kementerian.

Mengenai matapelajaran Kewarganegaraan di peringkat rendah, sepertimana yang kita ketahui memang diserapkan dalam beberapa mata-pelajaran termasuk Alam dan Manusia. Kemudian secara tidak langsung memang dimasukkan di peringkat menengah dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah, manakala kita telah mewajibkan matapelajaran Sejarah. Dahulu matapelajaran Kewarganegaraan boleh berdiri dengan sendiri kerana matapelajaran Sejarah tidak diwajibkan. Hari ini dalam KBSM matapelajaran Sejarah memang diwajibkan. Oleh yang demikian, komponen yang dahulunya termasuk dalam mata pelajaran Kewarganegaraan memang diajar di sekolah-sekolah.

Soalan. yang akhir; banyak soalan Yang Berhormat ini; bilangan guru C1 sekarang ini sepertimana yang kita sedia maklum, jumlah ini kian berkurangan tetapi dari angka tahun 1989 di peringkat sekolah rendah seramai 6,628; sekolah menengah seramai 10,578 dan jumlah keseluruhannya guru-guru C1 ialah 17,206.

**Puan Ainon binti Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setelah meneliti bahawa ramainya anak-anak negara iaitu seramai 19,000 orang yang mendapat kelulusan 5A, tidakkah Kementerian Yang Berhormat bercadang untuk menambah sekolah-sekolah berasrama penuh atau sekurang-kurangnya menambah lagi asrama-asrama untuk ditempatkan pelajar-pelajar berkenaan kerana kita mengetahui anak-anak yang duduk di asrama, prestasi persekolahan dan pelajarannya sangat baik kalau dibandingkan dengan yang tidak berasrama.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian bersetuju untuk memberikan pertimbangan terhadap saranan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat. Memang telah menjadi dasar Kementerian sejak dahulu supaya kemudahan sekolah menengah berasrama penuh itu ditambah tetapi ianya melibatkan kos yang besar. Sebab itulah sejak tiga tahun kebelakangan, kita telah mewujudkan lebih dari 200 Asrama Desa yang, melibatkan kos yang sangat rendah dan memberikan peluang kepada pelajar-pelajar miskin di daerah-daerah untuk dilatih dengan sukatan dan bentuk disiplin yang lebih teratur.

Adalah benar sepertimana ditegaskan prestasi mereka umumnya lebih baik dari pelajar-pelajar lain. Walau bagaimanapun, melihatkan prestasi yang dicapai dalam keputusan SPM baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua, kita rasa bangga kerana pelajar-pelajar di sekolah-sekolah menengah luar bandar telah mencatat kejayaan yang jauh lebih cemerlang dari tahun-tahun sebelumnya meskipun sebahagian besar daripada mereka tidak menjadi penghuni di asrama-asrama sama ada sekolah Asrama Penuh atau Asrama Desa.

**Tuan C. Krishnan:** Soalan tambahan, berapa ramaikah murid-murid ataupun peratus murid-murid dari Sekolah Rendah Tamil telah dapat memasuki ke sekolah-sekolah berasrama penuh?

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Tuan. Yang di-Pertua, saya perlu notis berhubung dengan jumlah dari Sekolah Rendah Tamil tetapi memang ada. Kalau Yang Berhormat ada cadangan hendak tambah dua tiga, saya boleh pertimbangkan. [Ketawa]

**Dato' Azumu bin Tak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya bilangan matapelajaran yang diwajibkan sentiasa bertambah, adakah Kerajaan bercadang hendak menambah lagi pada masa akan datang?

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Saya bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat itu dan memang benar matapelajaran yang diwajibkan itu bertambah. Ini adalah kerana perkembangan ilmu dan teknologi maklumat yang pesat berlaku. Dan kita tidak ada pilihan kalau kita mahu jamin supaya Malaysia dapat bersaing dengan negara-negara lain yang lebih maju. Hari ini kita wajibkan matapelajaran Agama Islam bagi pelajar—pelajar Islam dan Moral bagi pelajar-pelajar bukan Islam kerana kita sedar bahawa pendidikan tanpa moral dan agama akan tempang.

Kita juga sedar bahawa matapelajaran Matematik dan Sains perlu diwajibkan kerana negara berkembang pesat dalam bidang sains dan teknologi. Kita wajibkan pelajaran Kemahiran Hidup kerana negara sekarang menuju kepada satu perkembangan industri yang begitu pantas dan tanpa persediaan yang cukup anak-anak kita akan rugi. Kita wajibkan matapelajaran Sejarah kerana kita tidak mahu anak-anak kita yang berjaya dalam bidang sains, teknologi dan industri canggih, kita tidak mahu mereka tercabut dari akar tradisi dan warisan budaya bangsa sendiri, Mungkin pada tahun-tahun akan datang kita terpaksa wajibkan pengenalan komputer kerana komputer sudah menjadi satu persediaan yang hampir wajib bagi semua orang, sebegitu juga dengan menulis dan membaca.

Jadi, saya tidak boleh memberi jaminan untuk tidak menambah; dan kalau kita mahu maju mungkin dalam .satu dua tahun akan datang kita akan tambah lagi. Cuma kita bernasib baik, Tuan Yang di-Pertua, prasarana agak mencukupi dan nampaknya anak-anak kita menunjukkan kesediaan dan keupayaan untuk menguasai bidang-bidang ilmu tersebut. Dan guru-guru. kita juga umumnya, pada keseluruhannya menerima baik perubahan-perubahan dan reformasi yang kita anjurkan.

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya begitu berrminat sekali apabila Menteri Pendidikan tnebuat jawapan di dalam Dewan yang mulia ini. Tadi Yang Berhormat Menteri menyebut yang akan datang matapelajaran Sejarah akan diwajibkan. Kenapa dulu tidak wajib, kenapa sekarang pula hendak dtwajibkan? Adakah kerana setelah ada ramai yang sudah berani bercakap membelakangkan sejarah, umpamanya sejarah Hang Tuah; ada yang mengatakan Hang Tuan dulu berupa samseng. Setelah timbul kesedaran ini maka barulah Menteri Pendidikan hendak jadikan ini sebagai matapelajaran .yang wajib. Kerana pada saya, Tuan Yang di-Pertua, sejarah merupakan satu perkara yang penting kepada semua manusia. Kerana yang membelakangkan sejarahlah yang banyak berlaku, umpamanya macam 46, yang lari masuk 46; pasal tidak tahu sejarah. Kalau dia ingat sejarah, tidak pergi tubuh parti 46.

Begitu juga sesiapa juga yang hendak naik, kalau dia ingat sejarah bagaimana dia hendak naik, dia tidak akan sombong, dia tidak akan bongkak; dia akan hormat selalu kepada seluruh rakyat. Jadi, saya ingin tahu adakah Kementerian Pendidikan ingin hendak rnewajibkan matapelajaran Sejarah itu setelah adanya perkara-perkara yang banyak sudah menyelewengkan sejarah-sejarah yang tertentu? Itu yang saya hendak tahu.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, matapelajaran Sejarah diwajibkan sejak tahun 1988 dan saya fikir pelajar-pelajar yang baru menguasai Sejarah ini tidak akan mengikuti 461ah **[Ketawa]** kerana kefahaman Sejarah mereka lebih meleset. Tetapi ini dijalankan secara berperingkat kerana pada tahun 1988 diwajibkan bagi Tingkatan 1, 1989 Tingkatan 1 dan maju ke satu tahap lagi ke Tingkatan 2 dan seterusnya. Dalam tempoh 5 tahun seluruh pelajar dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 akan diwajibkan mengambil mata pelajaran Sejarah.

Tetapi benarlah sepertimana yang ditegaskan oleh Ahli Yang Berhormat, matapelajaran Sejarah ini dirasakan wajib kerana kita tidak mahu melahirkan anak-anak yang tidak mengetahui akan asal-usul negara sendiri dan tidak memahami, mengapa setengah-setengah dasar itu dipertahankan, umpamanya Dasar Pendidikan Kebangsaan, soal sejarah seperti penubuhan Persekutuan Tanah Melayu dan Malaysia, kemudian soal Dasar Ekonomi Baru dan sebagainya. Ada kebijaksanaan mengapa matapelajaran ini diwajibkan walaupun bagi pelajar-pelajar dari aliran sastera dan sains.

#### **PARTI KOMUNIS MALAYA - PERLETAKAN SENJATA**

**8. Tuan Tan Chai Ho** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sejak Parti Komunis Malaya meletakkan senjata:

- (a) adakah prosedur memohon melawat ke Negeri China lebih dilonggarkan;
- (b) adakah tahanan Komunis ISA akan dibebaskan; dan
- (c) adakah rapat umum dibenarkan diadakan bila-bila masa.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]:** Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Prosedur dan syarat-syarat untuk memohon melawat ke Negeri China tidak ada kaitan dengan Perjanjian Perletakan Senjata Parti Komunis Malaya.
- (b) Kedudukan orang-orang tahanan komunis yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 adalah bergantung kepada sejauhmana mereka tidak lagi menimbulkan sebarang bahaya dan ancaman terhadap keselamatan negara.
- (c) Larangan terhadap rapat umum tidaklah dikenakan semata-mata berdasarkan ancaman yang timbul dari kegiatan perjuangan bersenjata Parti Komunis. Keadaan ketenteraman awam dan situasi keselamatan negara keseluruhannya juga adalah diambil kira dan diberi perhatian. Rapat umum

sering dijadikan forum untuk menyemarakkan perasaan perkauman dan sentimen keagamaan yang keterlaluan. Ini akan menjejaskan keharmonian masyarakat majmuk negara kita dan boleh mengganggu-gugat ketenteraman awam dan kestabilan negara. Kerajaan berpendapat situasi sekarang masih belum sesuai lagi untuk menarik balik larangan yang dikenakan. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa mengkaji situasi ini dari semasa ke semasa.

**Tuan Tan Chai. Ho:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu sejauh manakah kejayaan penghapusan senjata Parti Komunis Malaya yang berlaku di negeri Thai baru-baru ini?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, atas kerjasama daripada ahli-ahli Parti Komunis Malaya dan juga daripada pihak Thai dan Malaysia, sejumlah besar daripada senjata-senjata ini telahpun dimusnahkan dan disaksikan oleh ketiga-tiga pihak. Pada masa ini ketiga-tiga pihak ini sedang berusaha untuk membinasakan semua jerangkap-jerangkap samar yang telahpun ditanam oleh ahli-ahli Parti Komunis Malaya di kawasan hitam di sempadan negara kita.

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri yang berkenaan, walaupun rapat umum tidak dibenarkan, tetapi sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar atau tidak bahawa Parti Pembangkang pada masa sekarang apabila mengadakan ceramah-ceramah, walaupun ia memohon untuk mendapatkan permit hanya di dalam rumah, tetapi yang mendengarnya beribu-ribu

orang sehinggakan tidak dapat terkawal lagi. Saya rasa perkara ini juga harus dibendung dan kalau sekiranya betul-betul pihak keselamatan ingin hendak membendung keadaan negara daripada membiarkan orang-orang membuat fitnah dan menghentam Kerajaan dengan kata-kata yang tidak berasas, sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar atau tidak perkara ini berlaku?

**Dato<sup>1</sup> Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan di bawah pemerintahan Barisan Nasional selalunya sungguhpun kita mengamalkan demokrasi tetapi kita menjalankan demokrasi ini dengan adil dan saksama. Kita tidak adalah menggunakan kekerasan sepertimana yang telah ditohmah dan difitnahkan oleh Parti-parti Pembangkang. Kita memberikan kelonggaran setakat dan ianya tidak memudaratkan keadaan ketenteraman awam. Walau bagaimanapun, sungguhpun mereka seringkali terk luar daripada batasan undang-undang, pihak penguatkuasa seringkali memerhatikan keadaan-keadaan tertentu agar ianya . tidak benar-benar menjejaskan keadaan yang mana keselamatan negara akan tercemar. Ini bukan sahaja Parti Pembangkang yang berbuat demikian, tetapi kadang-kadang pihak kita juga berbuat demikian yang mana kadangkala sukar untuk kita membendung.

Dengan sebab itu asalkan perkara ini tidak memudaratkan keadaan ketenteraman awam, pihak yang berkuasa akan memberi perhatian yang serius.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan satu sahaja lagi. Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ibrahim bin Jendol:** Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapa ramaikah bilangan komunis yang

masih ditahan di bawah ISA sekarang ini dan mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak dapat angka yang tepat tetapi anggarannya boleh diberikan kepada Dewan **ini**.

Kedua, selepas perletakan senjata ataupun perdamaian dengan Chin Peng baru-baru ini, adakah pada pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri merasakan bahawa bilangan penyokong ataupun anggota Parti Komunis Malaya telah berkurangan dan kalau kurang, berapakah agaknya jumlah bilangan itu sekarang?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Bilangan ahli Parti Komunis Malaya yang ditangkap dan menyerah diri yang sekarang dalam tahanan adalah 21 orang dan mereka ini sedang menjalani proses pemulihan.

Bercakap tentang keadaan keahlian PKM di luar daripada Malaysia ini, kerana dalam Malaysia dahulu hanya tidak sampai 60 orang yang bergiat, tetapi di luar saya berpendapat bilangan itu serupa dengan bilangan semasa mereka mengadakan perjanjian perlucutan senjata itu ialah lebih kurang 1,200 orang. Bagaimanapun, kita mesti faham bahawa perletakan senjata itu yang diterima tetapi ideologi komunis itu masih diharamkan di negara kita ini. Itu sebab saya terkejut melihat soalan yang telah diutarakan ada kena mengena pula dengan perletakan senjata dengan hendak ke negeri China dan adakah hendak dibebaskan semua orang yang berfahaman komunis, kerana perletakan senjata adalah perletakan senjata, ideologi komunis tetap ideologi komunis yang diharamkan di negara ini.

#### KEDIAMAN TETAP PENDUDUK INDIA

**9. Puan Valli Muthusamy** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah bilangan penduduk India yang berkediaman tetap di negara ini.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar Kerajaan tidak mengasingkan mereka yang mendapat taraf

penduduk tetap. mengikut negara-negara asal mereka. Dengan itu pihak Kerajaan tidak menyimpan perangkaan mengenai penduduk India yang mendapat taraf kediaman tetap di negara ini.

#### SEMINAR SUFI

10. **Puan Ainon binti Ariffin** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beberapa amalan kerohanian yang menyeleweng yang dikenalpasti hasil beberapa seminar Sufi yang dianjurkan oleh Pusat Islam telah dapat memperbetulkan amalan mereka dan seterusnya mengikut amalan yang sah di sisi agama Islam.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]:** Tuan Yang di-Pertua, amalan kerohanian dan ajaran-ajaran agama yang menyeleweng telah dikenalpasti bukan melalui seminar Sufi tetapi daripada penyelidikan dan penyiasatan yang dijalankan. Untuk membetulkan ajaran dan amalan yang menyeleweng **itu**, Kerajaan dari semasa ke semasa menerbitkan buku-buku menerangkan amalan-amalan dan ajaran-ajaran yang telah difatwakan sebagai menyeleweng atau sesat dan seterusnya menjelaskan sebab-sebab mengapa difatwakan demikian berdasarkan kepada Al-Quran dan Sunnah serta pandangan-pandangan ulamak yang muktabar. Buku-buku seperti ini diedarkan kepada masyarakat. Di samping itu, program penerangan juga dijalankan dari semasa ke semasa menjelaskan tentang ajaran-ajaran dan amalan-amalan yang sesat itu.

**Tuan Mustafa bin Awang:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Timbalan Menteri yang berkenaan menjelaskan dan memberi satu dua contoh bagaimanakah pengajaran penyelewengan dalam Islam ini yang disebut menyeleweng? Apa jenis dia? Yang dikatakan menyeleweng itu, apa dia ini- sama ada misalnya, kalau Rukun Islam itu ada lima perkara, dia kata lapan perkara - dan beri contohnya.

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, di antara ajaran-ajaran yang dikatakan menyeleweng itu adalah seperti mempertikaikan ajaran-ajaran Nabi dan juga seperti yang berkaitan dengan dakwah songsang yang dibawa oleh setengah pengikut agama dan beberapa perkara seperti yang dimaklumkan oleh ahli agama yang telah diiktiraf oleh pihak Kerajaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Satu sahaja lagi.

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Pendek. Lagi satu saya ingin tahu, Tuan Yang di-Pertua, daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, ARQAM kadang-kadang ada orang tuduh dia ini menyeleweng tetapi kadangkala terdapat dia menggalakkan ahli-ahlinya boleh kahwin sampai empat. Macam mana pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri? **[Ketawal** Adakah ini juga dianggap sebagai satu pelajaran menyeleweng?

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, tentang kahwin itu mungkin tidak menyelewenglah fasal itu adalah soal mengikut hukum. Tentang lain-lain itu yang dipertikaikan tentang soal ARQAM.

#### PERUSAHAAN JUALAN TERUS

11. **Puan Law Jack Yoon** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) jumlah syarikat yang menjalankan Perusahaan Jualan Terus atau "Direct Selling" di Malaysia;
- (b) apakah teknik-teknik atau cara-cara yang digunakan oleh industri itu untuk menjual barang-barangnya; dan
- (c) sehingga sekarang berapa orang yang telah menjadi ejen-ejen dalam industri itu.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian**

**[Dato Dr. K.S. Nijhar]:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah syarikat yang menjalankan perusahaan Jualan Terus di Malaysia ketika ini dianggarkan dalam lingkungan 200 buah yang meliputi syarikat-syarikat besar dan kecil. Pada amnya industri ini menggunakan 3 teknik utama untuk menjual barang-barang mereka.

- (1) mengadakan parti atau perjumpaan di rumah-rumah penganjur atau ejen atau penjual yang dihadiri oleh suri-suri, rumahtangga, kawan-kawan dan jiran-jiran. Demonstrasi bagaimana barang tersebut dapat digunakan dengan sebaik-baiknya diberikan. dalam parti tersebut dan tempahan diterima dari bakal-bakal pembeli yang berminat.
- (2) penjual menghubungi secara langsung bakal-bakal pembeli atau person to person. Lazimnya dalam hal ini, katalog-katalog yang menarik, berwarna warni dan eksklusif akan dipertunjukkan pada bakal-bakal pembeli. Jika bersetuju, penjual sendiri akan menguruskan penempahan dan penyerahan barang-barang tersebut,
- (3) menjalankan jualan dari rumah ke rumah atau door to door. Penjual akan bergerak dari rumah ke rumah untuk membuat demonstrasi barangan mereka kepada bakal-bakal pembeli. Tujuannya ialah untuk menerangkan dan memberi peluang kepada bakal-bakal pembeli untuk melihat sendiri dan menggunakan barang-barang tersebut sebelum memutuskan untuk membeli,

Bagi jawapan kepada soalan akhir, Kementerian ini tidak mempunyai statistik mengenai bilangan orang yang menjadi ejen dalam industri ini. Walau bagaimanapun berdasarkan kepada maklumat yang dikumpul oleh Persatuan Jualan Langsung Malaysia, terdapat 250 ribu

orang yang menjadi ejen-ejen di dalam industri ini.

**Puan Law Jack Yoon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak tanya sedikit Yang Berhormat, setakat ini berapa aduan yang diterima oleh Kementerian daripada pengguna-pengguna mengenai barangan jualan terus? Yang kedua, jumlah modal yang terlibat dalam perusahaan Jualan Terus. Yang ketiga, berapa hasil pendapatan Kerajaan diperolehi daripadanya?

**Dato Dr. K.S. Nijhar:** Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedar, kini kita tidak ada satu Akta berkaitan dengan soalan Jualan Terus. Oleh itu, apa-apa tindakan telah dibuat oleh pengguna dibuat terus kepada polis di beberapa district di dalam negara kita. Oleh itu, kita tidak ada angka-angka berkaitan dengan aduan-aduan dibuat dengan Kementerian kita.

Kedua, soalan berkaitan dengan modal. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian tidak mempunyai statistik atau angka-angka berkaitan dengan modal dengan syarikat-syarikat menjalankan kegiatan aktiviti dengan Jualan Terus. Walau bagaimanapun, Kementerian ada satu cadangan di mana kita berharap pada masa akan datang satu bancian akan diteruskan.

Yang ketiga, bolehkah tolong menerangkan lagi .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Tolong ulang semula yang ketiga.

**Puan Law Jack Yoon:** Yang ketiga, Yang Berhormat, berapa hasil pendapatan Kerajaan memperolehi daripada Jualan Terus?

**Dato Dr. K.S. Nijhar:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi, Kementerian tidak mempunyai statistik berkaitan dengan industri ini tetapi apa yang ada sekarang ialah statistik yang dibuat oleh Direct Selling Organisation di Malaysia di mana statistik yang sedia ada sekarang adalah berkaitan dengan turn over ataupun \$580 juta setahun tahun 1988.

Selain daripada itu Persatuan itu pun tidak mempunyai angka-angka berkaitan dengan industri ini.

**Puan Ainon binti Ariffin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya adakah pihak Kementerian menyedari bahawa Direct Selling ini juga menimbulkan masalah penipuan dan juga penyelewengan. Tidakkah Kementerian bercadang untuk membuat peraturan-peraturan yang boleh mengawal penjualan. terus ini supaya tidak disalahgunakan ataupun menimbulkan masalah-rnasalah penipuan, terutamanya di kalangan suri-suri rumahtangga yang tidak begitu tinggi pengetahuan pembeliannya atau yang tidak tahu menggunakan haknya sebagai seorang pengguna.

Terakhir, saya hendak mengucap tahniah kepada Kementerian ini kerana peka sangat dengan soalan Dewan, dua Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen hadir bersama. Setengah Kementerian itu kadangkalanya seorangpun tidak dapat hadir. [Tepuk] Cuma di lain kali, berpakatliah untuk membuat jawapan. [Ketawa]

**Dato Dr. K.S. Nijhar:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian sedar ada beberapa penipuan kadang-kadang berlaku di antara pembell dan penjual. Oleh sebab itu, Kementerian akan bercadang dan membuat satu Akta dan Akta ini akan dibentangkan di sessi akan datang di mana di antara perkara-perkara yang akan termaktub di dalam undang-undang ini, kita akan pastikan penipuan ini dikurangkan sedikit.

#### PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI - NILAI DAN JUMLAH

12. **Tuan Chong Chi Siong** minta Menteri' Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) jumlah dan nilai projek-projek perumahan yang telah terbengkalai sejak 10 tahun yang lalu;

(b) apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk mengatasi masalah ini ; dan.

(c) jumlah pembeli dan nilai wang yang terlibat.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji Hussein bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman sahabat-saya, Ahli Yang Berhormat ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mula mengenalpasti rumah-rumah yang terbengkalai pada tahun 1983. Yang demikian, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak berupaya untuk melaporkan keadaan-keadaan yang sebelumnya.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah projek yang terbengkalai semenjak tahun 1983 sehingga 31 Disember 1989 adalah sebanyak 325 projek mengandungi 68,434 unit rumah yang mana dianggarkan perbelanjaannya sebanyak \$3,904.3 juta atau \$3.903 billion.

Tindakan-tindakan bagi pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengambil iaitu dengan. secara menghidupkan semula, review, dengan izin, projek-projek tersebut melalui langkah-langkah seperti mengadakan perjumpaan dengan pembeli-pembeli, pemaju-pemaju dan institusi kewangan untuk memberi penerangan berhubung dengan tindakan yang diambil untuk melaksanakan projek itu bagi dipulihkan, menasihati pembeli-pembeli rumah untuk menubuhkan Jawatankuasa Tindakan pembeli-pembeli, meminta pemaju menyerahkan projek kepada Jawatankuasa Bertindak pembeli-pembeli, membuat kajian kemungkinan, possibility studies, dengan izin, ke atas projek yang berkenaan dengan mengkaji kedudukan kewangan dan kemajuan pembinaan, mengadakan perbincangan dengan bank atau institusi kewangan dan agensi-agensi Kerajaan yang terlibat, mengadakan perbincangan dengan piutang-piutang dan mengawasi dari masa ke semasa di atas kerja-kerja binaan setelah projek itu dipulihkan.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah pembeli yang terlibat ialah seramai 41,789 orang, merangkumi semua jenis rumah iaitu rumah-rumah daripada jenis kos rendah yang harganya tidak melebihi \$25,000 ataupun rumah-rumah yang berbentuk banglo yang harganya lebih daripada \$200,000.

Kementerian ini tidak dapat menyediakan maklumat terperinci mengenai wang yang terlibat disebabkan tidak semua daripada pembeli seramai 41,789 orang itu memberi maklumat-maklumat yang jelas kepada Kementerian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut sudahpun cukup.

**[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 13 hingga 41 akan dimasukkan dalam naskah bercetak kelak]**

## USUL

## JALAN-JALAN MASUK KE PARLIMEN

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Menteri Dalam Negeri mencadangkan:

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Negara yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini, dan Setiausaha Dewan Negara hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji Hussein bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di—Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul atas nama Timbalan Menteri Dalam Negeri hendaklah dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui,

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan. Negara yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini, dan Setiausaha Dewan Negara hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

#### USUL

#### JAWATANKUASA PEMILIH - LANTIKAN AHLI-AHLI

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman**

**[Dato' Dr Haji Sulaiman bin Hajl Daud]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 70(1) Majlis Dewan Negara memutuskan iaitu Ahli-ahli yang berikut hendaklah dilantik menjadi Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilihan bagi tempoh Penggal Keempat Parlimen Ketujuh.

- (i) Yang Berhormat Datuk Haji Hussein bin Ahmad;
- (ii) Yang Berhormat Dato' Tan Peng Khoon;
- (iii) Yang Berhormat Puan Mazidah binti Haji Zakaria; dan
- (iv) Yang Berhormat Puan Valli.. Muthusamy.

**Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul atas nama Menteri di Jabatan Perdana Menteri, dipersetujukan

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 70(1) Majlis Dewan Negara, memutuskan iaitu Ahli-ahli yang berikut hendaklah dilantik menjadi Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilih bagi tempoh Penggal Keempat Parlimen Ketujuh:

- (i) Yang Berhormat Datuk Haji Hussein bin Ahmad;
- (ii) Yang Berhormat Dato' Tan Peng Khoon;
- (iii) Yang Berhormat Puan Mazidah binti Haji Zakaria; dan
- (iv) Yang Berhormat Puan Valli Muthusamy.

## USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA KEBAWAH D.Y.M.M.  
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG SULTAN AZLAN SHAH**3.46 ptg.**

**Tuan Mohamad Wajdi bin Dato' Haji Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, saya Mohamad Wajdi bin Dato' Haji Ishak akan mencadangkan:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Ketujuh."

Tuan Yang di-Pertua, pertama-tama saya ingin merakamkan ucapan terima kasih saya yang tidak terhingga kerana telah diberikan kepercayaan dan penghormatan untuk mencadangkan ucapan yang tersebut itu. Penghormatan dan kepercayaan ini adalah merupakan satu penghormatan kepada rakyat negeri Perak Darul Ridzuan yang juga merupakan rakyat tercinta negeri Duli-Yang Maha Mulia Tuanku.

Di sini juga saya ingin mengambil kesempatan merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada pucuk pimpinan parti terutamanya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir

Mohamad yang telah memberi kepercayaan kepada saya semula sebagai seorang Ahli Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku semasa membuka Penggal Keempat Parlimen Ketujuh pada 26hb Februari, 1990 buat pertama kalinya di Dewan yang mulia ini telah tercatat dan merupakan satu sejarah yang gilang-gemilang di dalam amalan demokrasi berparlimen dan Raja Berperlembagaan di negara ini.

Usul yang saya bawa ini adalah bertujuan untuk menyembahkan Ucapan Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas nikmat-nikmat yang telah dihasilkan oleh Kerajaan Duli Tuanku dan di atas kenikmatan yang dikecapi oleh rakyat hasil dari kesejahteraan dan kesempurnaan hidup yang telah wujud berkat pemerintahan Kerajaan Kebawah Duli Tuanku yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Perdana Menteri Malaysia.

Saya juga ingin melafazkan setinggi kesyukuran yang tidak terhingga. kepada Allah s.w.t kerana dengan keizinan dan limpah kurniaNya telah sentiasa memelihara dan melindungi rakyat jelata dan negara dalam keadaan aman, makmur dan sejahtera. Dengan limpah kurnia itu semoga era pemerintahan Kebawah Duli Tuanku akan terus mendapat limpahan rahmat yang berterusan dan sentiasa mendapat petunjuk dari Allah s.w.t. Dengan keadaan itu adalah diharapkan bahawa semua lapisan rakyat dengan tidak mengira kaum atau bangsa sentiasa berada dalam selamat di bawah naungan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku sebagai payung negara.

Tuan Yang di-Pertua, titah-titah dan ucapan ulung Duli Yang Maha Mulia Tuanku mengandungi mesej-mesej ataupun maksud-maksud yang berterus-terang yang menyentuh pelbagai aspek termasuk keselamatan, ekonomi, agama dan pendidikan. Secara menyeluruh, Titah Tuanku itu memberi gambaran yang sejelas-jelasnya mengenai kesungguhan Baginda untuk melihat dan memastikan bahawa di dalam era pemerintahan Baginda akan wujud kemakmuran ekonomi, akan wujud kestabilan politik dan kesejahteraan sosial.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedia maklum walaupun era pemerintahan Kebawah Duli Tuanku baru bermula, tetapi ianya telah banyak menempa sejarah. Sejarah gilang-gemilang yang telah mencatatkan banyak peristiwa yang amat bermakna sekali kepada seluruh rakyat yang secara tidak langsung membuktikan bahawa Baginda mempunyai pengalaman-pengalaman yang luas dibidang pentadbiran dengan berlatarbelakangkan undang-undang.

Baginda seorang yang berwibawa tinggi dan berjiwa rakyat dan sudah kena pada masa dan ketikanya Baginda menerajui negara ini dengan keunggulan dan kebijaksanaan Baginda memerintah dan akan membolehkan negara ini terus mendapat kestabilan politik, perkembangan ekonomi yang pesat, insya Allah.

Upacara gilang-gemilang Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah telah selamat disempurnakan. Pada hari itu bermulalah era pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Yang ke-9. Seluruh rakyat menjunjung kasih di atas pertabalan dan pemerintahan Baginda dengan menumpukan sepenuh taat setia kepada Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Dengan kekalnya institusi Raja Berperlembagaan, kita sebagai rakyat yang penuh taat dan setia berikrar tidak akan membiarkan sama sekali ada orang lain yang cuba mengganggu-gugat dan mengancam sistem Raja Berperlembagaan di negara ini.

Kita sanggup berkorban apa sahaja dalam menghalang anasir-anasir ataupun petualang-petualang yang bertujuan ingin mencemarkan kedaulatan sistem Raja Berperlembagaan. Ini adalah kerana kita semua sedar dan memahami hanya Baginda sahajalah yang menjadi lambang perpaduan dan keunggulan bagi seluruh rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kepada mana-mana negara sekalipun, perkara pokok dan mesti diutamakan ialah keselamatan dalam negeri, hanya adalah merupakan asas kepada segala-galanya. Tanpa keselamatan dalam negeri, rakyat akan berada dalam keadaan yang tidak selesa dan sentiasa berada dalam ketakutan. Dengan itu, kebahagiaan dan kesejahteraan hidup tidak mungkin diperolehi. Justeru itu, kita di Malaysia sudah seharusnya berasa bersyukur dengan kedudukan keselamatan negara terutamanya apabila ancaman Parti Komunis Malaya yang telah wujud semenjak tahun 1948 lagi telah dengan sendirinya terhapus hasil dari kesediaan pemimpin-pemimpin

tertinggi Parti Komunis Malaya meletak senjata tanpa syarat. Ini adalah bertepatan dengan Titah Baginda bahawa pada keseluruhan keadaan keselamatan negara ini terus bertambah baik dan terkawal. Syabas dan tahniah kepada Kerajaan. Saya bagi pihak seluruh rakyat Malaysia ingin merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah serta syabas kepada seluruh anggota keselamatan dan juga kepada mereka yang telah sama-sama bertanggungjawab secara langsung ataupun tidak langsung bagi menentukan negara tercinta ini bebas dari sebarang ancaman yang menggugat keselamatan dan kesejahteraan rakyat.

Kewibawaan anggota tentera kita telah terbukti di dunia luar dengan mendapat pengiktirafan dan penghormatan semasa anggota tentera kita berkhidmat di bawah panji Bangsa-bangsa Bersatu di Namibia dan juga di sempadan Iran-Iraq dengan jayanya. Penghargaan dan pengiktirafan kepada anggota tentera kita perlu kita jadikan asas dan semangat kepada keseluruhan anggota tentera kita untuk terus menaburkan bakti menjaga keamanan negara tidak sahaja di dalam, tetapi juga di luar negeri. Jasa dan kecemerlangan mereka itu sudah pasti akan tercatat di dalam sejarah perjuangan di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan kecemerlangan perkhidmatan mereka ini yang sentiasa menabur bakti dengan tidak mengira masa dan tempat, maka sudah seharusnya mereka ini tidak diabaikan kebajikan-kebajikan mereka. Ini adalah termasuk juga anggota keluarga bekas anggota tentera yang telah terkorban atau mereka yang telah kehilangan keupayaan semasa menjalankan tugas. Kepada mereka yang telah meninggalkan perkhidmatan, patut juga dilihat kebajikannya dan janganlah sampai mereka itu merayu simpati melalui akhbar-akhbar.

Di samping itu juga, penyediaan bekas anggota tentera di bidang pekerjaan sama ada di sektor awam ataupun swasta perlu juga diberikan perhatian dan keutamaan di samping membimbing mereka yang berminat ke arah bidang perniagaan. Hanya dengan cara inilah sahaja penghargaan Kerajaan dan negara kepada bekas anggota-anggota tentera yang telah berjuang dan sanggup mengorbankan nyawa demi kepentingan negara akan terbalas sedikit sebanyak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyeru sekali lagi di sini supaya pihak Kerajaan dapat memastikan kebajikan anggota Angkatan Tentera sama ada dari segi kemudahan-kemudahan perumahan dan tanggaji yang sesuai dengan pengorbanan mereka bagi mengekalkan keselamatan di dalam negara kita. Di samping kemudahan dan kebajikan, perlu juga diberi perhatian mengenai kemudahan-kemudahan lain semasa anggota tentera itu menjalankan tugas seperti peralatan peperangan, senjata-senjata moden, helikopter, jet pejuang dan sebagainya.

Kita semua pada hari ini patut berasa sedih dengan beberapa kemalangan dan incident yang telah berlaku kepada pasukan Angkatan Tentera kita. Kemalangan ngeri helikopter Nuri milik Tentera Udara Diraja Malaysia di Kuching yang melibatkan 16 orang pegawai tentera termasuk dua orang Jeneral merupakan trajedi yang meninggalkan kesan dan persoalan. Begitu juga dengan kemalangan yang berlaku pada kapal terbang Pejuang F5E dan Skyhawk. Persoalan yang timbul, kenapa terjadinya kemalangan ini? Adakah helikopter dan jet pejuang itu sudah tidak sesuai lagi digunakan atau sememangnya wujud beberapa kelemahan-kelemahan di dalam sistem pertahanan negara kita yang membawa kepada kemalangan ini? Saya amat berharap pihak Kerajaan

melalui Kementerian Pertahanan agar sentiasa dapat membuat penelitian dan mengambil keutamaan agar semua peralatan tentera yang dibeli atau yang digunakan itu biarlah hendaknya yang baru dan termoden sesuai dengan kehendak masa dengan tidak membeli peralatan-peralatan terpakai.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun keselamatan negara pada keseluruhannya boleh terjamin, seumpamanya terlepas daripada ancaman Komunis, tetapi satu lagi ancaman secara terbuka, secara terus terang, secara terang-terangan terpaksa dihadapi, iaitu ancaman najis dadah. Wabak dadah telah melanda dan mengancam sebahagian masyarakat muda Malaysia tanpa mengira keturunan ataupun agama. Kita amat bersyukur kepada Allah s.w.t. kerana Kerajaan yang ada pada hari ini telahpun menjalankan gerak langkahnya dengan mengadakan pelbagai undang-undang yang bertujuan menghapuskan ancaman najis dadah.

Walau bagaimana sekalipun, pencegahan dan pengawasan bukanlah semata-mata terletak kepada undang-undang yang dikuatkuasakan, tetapi juga terletak kepada setiap anggota masyarakat yang ada di negara ini. Usaha ini tidak akan berjaya tanpa penglibatan semua pihak termasuk kita semua yang ada di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, semangat cintakan negara, taat setia kepada Kebawah Duli Tuanku yang menjadi payung dan naungan kepada negara dan rakyat jelata menjadi harapan dan matlamat. Semangat patriotik ini sudah seharusnya ditunjukkan oleh semua lapisan rakyat tanpa mempersoalkan kembali perkara-perkara yang boleh mendatangkan pecah-belah dan hilang ketaatsetiaan kepada Duli Tuanku dan negara

Di dalam hal ini, saya suka menyeru kepada pihak Kerajaan agar bertindak tegas terhadap petualang-petualang tanpa mengira siapa

Mereka itu, termasuk juga parti politik yang ada di negara ini. Sehubungan dengan kegiatan parti-parti politik, terutamanya Pembangkang adalah dirasakan sudah sampai masa dan ketikanya pihak Kerajaan mengenalpasti dan membuat penyiataan mengenai sumber-sumber kewangan mereka sama ada datangnye dari dalam ataupun luar negeri. Kita bukannya bertujuan untuk menghalang bantuan ataupun derma untuk badan-badan politik, tetapi memikirkan peranan dan aktiviti parti Pembangkang ketika ini yang begitu ghairah menimbulkan pelbagai isu yang boleh memecahbelahkan masyarakat, maka adalah dirasakan begitu perlu sumber-sumber kewangan patut disiasat kerana ditakuti ianya akan dibiayai oleh mereka yang tidak bertanggungjawab tidak kira sama ada dari dalam atau luar negeri yang semata-mata mahu melihat hilangnya semangat patriotism dan runtuhnya Kerajaan yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, persoalan ekonomi adalah merupakan persoalan pokok. Tanpa asas dan perkembangan ekonotmi yang baik dan walau keselamatan negara terjamin, maka dirasakan lany a tidak akan membawa apa-apa makna. Persoalan ekonomi kepada saya adalah merupakan permasalahan dasar yang menjadi asas kepada usaha-usaha untuk membina dan membangun sesuatu raasyarakat.

Rancangan Malaysia Keempat telah banyak memberi pengajaran kepada Kerajaan. Dengan itu, Kerajaan berpendapat perbelanjaan sektor awam terpaksa dikurangkan dan ini menyebabkan keadaan ekonomi bertambah meruncing. Bagi mengatasi masalah ini. Kerajaan. berpendapat sektor swastalah yang. boleh memainkan peranan yang penting bagi menggerakkan semula ekonomi negara. Berasaskan strategi itulah Rancangan Malaysia Kelima telah dilancarkan dalam suasana keadaan ekonomi yang tidak begitu kukuh.



Tahniah dan syabas kepada Yang.Berhormat Menteri Kewangan.

Berkembangan dan bertambahnya pelabur-pelabur asing telah sedikit sebanyak menggerakkan ekonomi negara. Dalam tempoh 7 bulan pertama, 1989, Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) telah menerima sejumlah 462 permohonan dari pelabur-pelabur asing. MIDA telahpun meluluskan 409 projek di dalam tahun 1989 yang berjumlah \$6,130 juta dengan peningkatan yang berjumlah 34% lebih tinggi di dalam tempoh yang sama di dalam tahun 1988. Peningkatan pelaburan ini memberi gambaran akan kepercayaan pelabur-pelabur terhadap kestabilan politik dan ekonomi negara secara keseluruhan. Tahniah dan syabas serta kepujian sudah seharusnya diberikan kepada Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian di atas usaha-usaha gigih beliaulah yang menyebabkan peningkatan pelabur asing untuk melabur di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, industri pembuatan terus memainkan peranan yang utama dalam perkembangan ekonomi negara, tetapi kita harus jangan lupa sektor pertanian juga memainkan peranan dalam memberikan sumbangannya kepada pendapatan negara. Satu penekanan harus ada, iaitu pemodenan sektor pertanian dan mempelbagaikan jenis tanaman, terutamanya, untuk makanan yang selalu diimport seperti jagung, beras, sayur-sayuran dan sebagainya. Usaha-usaha ini akan mengurangkan impot barang-barang makanan yang tersebut itu dan akan menjimatkan dan memperbaiki imbangan bayaran dan pertukaran wang asing. Penekanan harus juga diberikan oleh pihak Kerajaan kepada para petani, terutamanya di luar bandar bagi meninggalkan pertanian secara tradisional kepada pertanian secara moden yang tidak ekonomik dan tidak

menguntungkan. Usaha-usaha Kerajaan dalam membasmi kemiskinan di luar bandar harus diberikan penumpuan khusus kepada para petani di Luar bandar. Dengan merubah cara pemikiran dan sikap para petani di luar bandar, adalah merupakan asas yang utama ke arah itu. Tanpa perubahan sikap, segala apa usaha yang dirancangan tidak akan mendapat kesempurnaan.

Justru itu semua agensi-agensi Kerajaan yang terlibat sudah seharusnya memainkan peranan, agar para petani kita itu dapat diubah sikapnya terlebih dahulu sebelum dilaksanakan apa juga bentuk galakan dan bantuan yang seharusnya diberikan. Disamping perubahan sikap, kaedah pertanian moden dengan mempelbagaikan galakan, Kerajaan juga harus memperkenalkan tanaman-tanaman yang diberi galakan dan keutamaan dan mempunyai potensi dalam pengeluaran dan pemasaran. Sebagai contohnya, kita lihat Kedah dengan padinya, Perlis dengan buah mangganya, Perak dengan duriannya, Trengganu dengan duku-langsatnya. Galakan bantuan kepada para petani di luar bandar untuk mengusahakan tanaman yang berpotensi ini akan dapat membantu peningkatan taraf hidup dan mengurangkan kemiskinan di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun pada hari ini kita telah melihat tanda-tanda pertumbuhan dan perkembangan ekonomi negara yang semakin menampakkan peningkatan yang baik dan satu perkara yang kita tidak harus lupa bahawa pencapaian dan matlamat ekonomi melalui Dasar Ekonomi Baru secara keseluruhannya masih belum lagi tercapai. Apatah lagi matlamat dan pencapaian bagi bumiputera. Peranan MA.PEN dalam mengkaji dan nencadangkan dasar-dasar baru untuk dilaksanakan selepas tahun 1990 perlu diberikan perhatian. Walau apa bentuk

cadangan baru mengenai Dasar Ekonomi Baru, Kerajaan mestilah mengekalkan asas Dasar Ekonomi Baru iaitu "Serampang Dua Mata", iaitu membasmi kemiskinan dengan tidak mengira kaum dan menghapuskan perbezaan ekonomi mengikut kaum. Dasar ini harus terus dipelihara dan Kerajaan hendaklah memastikan ianya tidak akan terkeluar.

Hasrat dan cita-cita Kerajaan dalam mewujudkan MAPEN memerlukan sokongan dari seluruh rakyat dan ini memberi gambaran bahawa Kerajaan Barisan Nasional sentiasa menerima pandangan-pandangan rakyat jelata tanpa mengira fahaman politik, tetapi malangnya, keikhlasan Kerajaan ini telah tidak diterima baik oleh segelintir rakyat yang bersikap perkauman dan ingin mengeksploitasi berbagai isu untuk kepentingan mereka dan untuk tujuan politik yang sernipit, yang tidak seharusnya diberikan sokongan oleh rakyat yang telah mengaku, taat setia kepada Duli Tuanku. Saya amat berharap pihak Kerajaan dapat bertindak tegas terhadap mereka yang seumpama ini yang hanya memberi pengakuan di mulut untuk menghormati apa yang dirancangan oleh pihak Kerajaan, tetapi sebaliknya bertindak menentang Kerajaan dan membelakangkan kehendak rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, diantara perkembangan ekonomi yang biasa menjadi ukuran ramai ialah mengenai kedudukan BURSA Saham di sesebuah negara itu. Jika sekiranya perniagaan di BURSA- Saham itu baik, maka ekonomi negara itu berada di satu tahap yang baik dan sebaliknya jika saham-sahamnya merosot secara menyeluruh, maka bolehlah dianggap ekonomi negara itu berada di peringkat yang kurang memuaskan dan lembab. Keadaan pasaran saham yang baik dan mendapat sambutan ramai menandakan minat ramai pelabur untuk membuat

pelaburan yang juga menandakan negara itu baik ekonominya dan stabil politiknya, dan suasana ini harus ada bagi sesebuah negara untuk memberikan gambaran ekonomi di negara tersebut dan memberi kepercayaan kepada pelabur untuk terus membuat pelaburan.

Sehubungan dengan ini, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada pihak Kerajaan kerana suasana yang ada di dalam pasaran saham KUALA LUMPUR berada dalam satu keadaan yang memuaskan para pelabur untuk meneruskan kegiatannya. Apatah lagi setelah pihak Kerajaan membuat keputusan yang begitu berani untuk memisahkan BURSA SAHAM KUALA LUMPUR daripada BURSA SAHAM SINGAPURA. Dengan pemisahan yang berkuatkuasa pada 1hb Januari, 1990, kaunter-kaunter syarikat yang ditubuhkan di Malaysia tidak boleh disenaraikan di BURSA Saham Singapura, begitu juga sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan masalah pemisahan BURSA SAHAM Kuala Lumpur dari Singapura, banyak pandangan menganggapkan bahawa ianya akan memberi kesan-kesan buruk kepada sektor industri saham di Malaysia, tetapi hasilnya ia lebih mendatangkan kesan yang baik. Kaunter-kaunter saham di BURSA SAHAM Kuala Lumpur menerima sambutan yang baik, nilai saham yang tinggi dan transaksi yang berlipat ganda.

Apa yang saya difahamkan sebelum Januari 1990, nilai saham yang diniagakan di Bursa Saham Kuala Lumpur berada dalam lingkungan \$30 juta sehari tetapi dalam bulan Januari dan Februari 1990 ianya telah melebihi daripada \$100 juta sehari. Keadaan ini amat menggalakkan dan memberi keyakinan kepada perkembangan ekonomi negara di samping memberi peluang kepada rakyat jelata untuk turut melabur.

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan dan pertumbuhan Bursa Saham kita akan menjadi lebih subur lagi jikalau langkah-langkah kawalan dibuat oleh pihak Kerajaan bagi mengelakkan halangan-halangan dan sabotaj-sabotaj dari pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab, yang mencari kesempatan dan sebagai contohnya penubuhan CLOB International iaitu bursa saham yang berdaftar di Singapura tetapi diurusniagakan saham syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur. Dengan kata lain CLOB International yang berpusat di Singapura telah menjadi pengkalan ataupun saingan kepada urusan niaga saham di Kuala Lumpur. Walaupun pihak Bursa Saham Kuala Lumpur mengatakan bahawa saham-saham yang diniagakan oleh CLOB International itu tidak diiktirafkan tetapi apa yang dapat dilihat perniagaannya amat menggalakkan. Itu memberi gambaran bahawa pasaran saham kita boleh disabotaj dan boleh dikuasai oleh pihak-pihak yang tertentu. Saya merasa bimbang jika sekiranya langkah-langkah kawalan tidak dibuat, maka Bursa Saham Kuala Lumpur akan dimanipulasikan oleh mereka yang mempunyai kepentingan dan saya

amat berharap tindakan-tindakan. undang-undang perlu diambil oleh pihak Kerajaan bagi melindungi pasaran saham kita.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah juga perlu diambil bagi menentukan kesempurnaan perjalanan pasaran saham terutamanya mengenai kakitangan dan keupayaan mengurus perniagaan setiap hari bagi mengimbangi volume perniagaan yang telah berlipat ganda. Kalau tidak, perniagaan saham akan sentiasa tergendala kerana pihak Bursa Saham Kuala Lumpur tidak dapat menyelesaikan transaksi sijil-sijil saham yang terkumpul di setiap hari. Sebagai bukti, telah wujud kehilangan sijil-sijil saham yang baru-baru ini dikeluarkan melalui akhbar-akhbar.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga telah memberikan penekanan kepada industri pelancongan sebagai sebuah industri yang boleh membawa kepada perkembangan dan kemajuan ekonomi negara. Baginda bertitah bahawa pembangunan industri pelancongan bukan sahaja menjadi tanggungjawab kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri tetapi juga di peringkat-peringkat Daerah ataupun Penguasa Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan tahniah dan syabas kepada Kerajaan dan juga Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan yang telah berusaha memperkenalkan Malaysia dan membawa pelancong-pelancong dari luar bagi menyambut 'Tahun Melawat Malaysia 1990'. Kita sesungguhnya berasa bangga kerana banyak usaha telah dibuat oleh pihak Kerajaan dan juga Kementerian serta agensinya berhubung dengan menggalakkan para pelancong berkunjung ke

Malaysia. Walau bagaimana sekalipun, kekurangan~kekurangan tetap wujud, seumpamanya penerbangan-penerbangan untuk membawa para pelancong pada masa dan ketika yang tepat. Ini ditambah lagi dengan kekurangan penerbangan untuk para pelancong datang ke Malaysia. Kekurangan dan permasalahan ini perlu diambil kira agar para pelancong yang ingin datang ke Malaysia terutaraanya dari Asia Barat, New Zealand, Taiwan dan sebagainya tidak rasa terkilang dengan kelewatan penerbangan terus ke Kuala Lumpur. Jadinya nanti, mereka ini tidak akan menjadikan Singapura tempat pendaratan pertama dalam membuat lawatan ke Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu, masalah penerbangan ke destinasi pelancongan di dalam negeri juga perlu diberikan perhatian seumpamanya penerbangan ke Langkawi, penerbangan ke Pulau Pinang, penerbangan ke Pulau Tioman dan penerbangan ke Pulau Pangkor dan sebagainya. Semuanya ini akan memberi kesan negatif kepada industri pelancongan jika ianya tidak diberi perhatian. dan diatasi.

Sehubungan dengan ini saya sebagai Wakil daripada negeri Perak Darul Ridzuan ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana melalui Kementerian Pengangkutan telahpun merancang dan mengambil tanah untuk dijadikan lapanganterbang di Sitiawan di dalam Daerah Manjong, Perak. Kawasan tanah telah dibersihkan dan seluruh rakyat negeri Perak terutamanya di Daerah Manjong menyatakan kesyukuran di atas cadangan pembinaan itu, kerana ini akan dapat menambahkan lebih ramai lagi para pelancong khususnya pelancong-pelancong luar negeri berkunjung ke Pulau Pangkor dan

Lumut yang terkenal dengan keindahan pantai dan sebagainya. Tetapi malangnya kegembiraan ini hanya buat seketika sahaja. Apa yang telah saya difahamkan projek lapangan terbang itu ditangguhkan kerja-kerja pembinaannya dan lanjutan daripada itu timbul pula cerita yang satu lagi projek landasan kapal terbang akan dibina di Pulau Pangkor, di suatu kawasan perkampungan tradisional nelayan Melayu yang berhampiran pula dengan sebuah hotel bertaraf antarabangsa. Persoalan dan pertanyaan yang selalu dikemukakan oleh penduduk-penduduk tempatan iaitu:-

- (1) Mengapa ia dengan tidak semena-mena berlakunya cadangan perpindahan projek tersebut dari Sitiawan ke Pulau Pangkor, pada hal tanah telah diambil, kawasannya telahpun dibersihkan?
- (2) Di atas alasan apakah perlunya ditukarkan projek pembinaan lapangan terbang itu sama ada ianya dengan nasihat pihak Kementerian Kebudayaan dan Pelahcongan atau Kementerian Pengangkutan ataupun atas pandangan dan kehendak Kerajaan Negeri sendiri?
- (3) Sedarkah pihak Kementerian-kementerian yang berkenaan bahawa penduduk dan pemilik tanah kawasan yang dicadangkan itu iaitu di Kampung Teluk Dalam, Pulau Pangkor tidak rela tanah pusaka mereka diambil untuk tujuan meriyenangkan kehadiran para pelancong di Pulau Pangkor?
- (4) Di samping menggalakkan industri pelancongan dan kehadiran para pelancong, adakah menjadi dasar kepada

pihak Kerajaan untuk tidak mahu lagi melihat perkampungan tradisi nelayan Melayu?

Tuan Yang di-Pertua, kepada saya, saya dapat menyelami dan melihat betapa pedih, betapa pilunya kaum nelayan tradisional yang terpaksa mengikut kehendak dan arus pembangunan. Walaupun ada ura-ura dicadangkan untuk membuat penempatan semula terhadap perkampungan nelayan tersebut, tetapi kawasannya dikatakan tidak begitu sesuai untuk kaum nelayan. tradisional meneruskan kegiatan mereka sebagai kaum nelayan,

Perkara ini pernah terjadi di Daerah Manjong juga iaitu di kawasan Teluk Meruk, Lumut di mana sebahagian besar perkampungan nelayan Melayu telah diambilalih oleh pihak Kerajaan untuk tujuan penempatan Tentera Laut Diraja Malaysia. Mereka ini dipindahkan ke satu kawasan yang jauh dari laut, akhirnya kawasan perpindahan yang pada mulanya untuk nelayan telah bertukar tangan kerana mereka yang dipindahkan itu tidak dapat meneruskan cara hidup mereka sebagai kaum nelayan. Perkara ini saya timbulkan untuk sama-sama kita ingat-mengingati agar pisang tidak berbuah dua kali. Terlalu sedih, jika ini berlaku sekali lagi disebabkan arus dan kehendak pembangunan yang terkadang-kadang yang menjadi mangsa ialah rakyat jelata yang tidak tahu apa-apa.

Sehubungan dengan ini saya suka merayu dan memohon jasa baik dari Kerajaan melalui Kementerian-kementerian yang ada kaitan dengan pembinaan lapangan terbang supaya membuat kajian semula mengenai penempatan, pengwujudan dan landasan kapalterbang di Pulau

Pangkor dan jika boleh janganlah terkena kepada kawasan perkampungan tradisional nelayan Melayu. Akan hilanglah keindahan semula jadi di kawasan yang tersebut itu.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini juga saya ingin memohon kepada pihak Kerajaan dan dengan persetujuan Kerajaan Negeri, di mana-mana jua negeri untuk tujuan memperkemas pembangunan industri pelancongan supaya ianya dapat disusun atur, diubahsuai dan diseragamkan. pembangunannya mengikut peraturan dan syarat-syarat yang ditentukan bagi kesempurnaan kepada semua pihak di mana suatu perbadanan pelancongan perlu dibentuk di peringkat negeri bagi memastikan sektor industri ini berkembang maju selaras dengan kehendak Kerajaan, para pelancong dan orang-orang tempatan seperti yang diwujudkan di Langkawi.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan pembinaan landasan kapal terbang di Pulau Pangkor untuk tujuan pelancongan, kaum nelayan di Pulau Pangkor pemilik tanah perkampungan tradisi Melayu di Pulau Pangkor bukannya bertujuan untuk menentang rancangan Kerajaan itu tetapi sekadar mahu mempertahankan supaya perkampungan tradisi nelayan dapat dikekalkan bersama-sama dengan pembangunan yang akan didatangkan.

Persoalan yang ada mengapa dan kenapa di dalam pihak Kerajaan membuat cadangan, membuat kajian untuk memilih kawasan yang tersebut itu pihak Kerajaan melalui Perancang Bandar dan Desa hanya dapat melihat kawasan milik nelayan Melayu sahaja tanpa melihat secara lebih meluas lagi di mana ada terdapat kawasan-kawasan yang boleh dirancang secara bersama yang dimiliki oleh pemodal-pemodal ataupun pengusaha-pengusaha. Kepada saya, pembangunan yang hendak dicadangkan itu mestilah dirancang secara menyeluruh yang meliputi semua kawasan yang berhampiran tanpa mengira siapa pemiliknya. Tidakkah ini memberi gambaran yang perancangan itu lebih mementingkan kepentingan pemodal atau pengusaha tanpa memikirkan kepentingan rakyat secara menyeluruh. Perancangan yang hendak dibuat itu biarlah hendaknya adil tanpa memberi kesan kepada kaum nelayan, ini tanah kampung tradisional diambil dan tanah milik pemodal dibiarkan.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini dan sebagaimana yang telah saya katakan terdahulu daripada ini, perlunya ada dan diwujudkan satu perbadanan pelancongan di peringkat negeri yang berfungsi menyelaras dan memajukan tempat-tempat yang telahpun dikenalpasti sebagai tumpuan destinasi para pelancong, tidak seperti hari ini yang hanya mengikut cita rasa pemaju ataupun kaum pemodal dan perancang-perancang, termasuk juga agensi-agensi Kerajaan yang berlainan pandangan dan matlamat. Tegasnya, kepentingan awam dan hak-hak mereka juga sudah seharusnya diberikan keutamaan dalam membuat perancangan untuk pembangunan di satu-satu tempat yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha-usaha menarik minat para pelancong datang berkunjung ke Malaysia, pihak Kerajaan hendaklah sentiasa berwaspada mengenai gejala-gejala buruk dan kurang sihat serta bertentangan dengan adat resam kebudayaan kita. Janganlah hendaknya untuk menarik minat para pelancong luar, kita membelakangkan ciri-ciri kebudayaan kita, kita mengagungkan kebudayaan luar yang bertentangan dengan kebudayaan kita. Saya yakin dan percaya Kerajaan sememangnya sedar mengenai wujudnya elemen-elemen negatif yang dibawa masuk oleh para pelancong asing, terutamanya oleh para pelancong kelas bawahan, dan ianya mestilah diberikan perhatian dan tindakan terutamanya supaya ianya tidak mempengaruhi masyarakat tempatan. Dengan maksud yang lain, keselesaan pelancong sudah seharusnya dijaga tanpa membelakangkan masyarakat dan budaya tempatan. Maka dengan itu, saya yakin dan percaya Tahun Melawat Malaysia 1990 akan membuka jalan kepada perkembangan dan kemajuan industri pelancongan di Malaysia dan akan menjadi sektor utama dalam memberi sumbangan kepada pendapatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia juga menyebut pengwujudan iklim pelaburan yang lebih menarik yang mana Baginda amat mengharapkan pihak swasta supaya sama-sama membantu, memaju dan membangunkan negara. Baginda juga amat mengharapkan agar projek-projek tertentu dapat lebih diswastakan bagi mengurangkan bebanan kewangan negara. Sehubungan dengan ini, saya berpendapat bahawa untuk menswastakan projek-projek sudah sewajarnya pihak Kerajaan memikirkan terlebih dahulu dan mewujudkan satu Pelan Induk ataupun Master Plan supaya ianya tidak akan dapat dipertikaikan oleh sesiapa, sama ada dari segi memonopoli perniagaan, pemberian atau

kepada siapa patut diberi ataupun mempertikaikan kepentingan-kepentingan awam.

Sehubungan dengan ini, penswastaaan Lembaga Letrik Negara adalah dikatakan semakln hampir. Masalah yang timbul rakyat ingin tahu jika sekiranya LLN ini diswastakan, masalah penguasaan dan pemilikan ekuiti menjadi persoalan pokok, sama ada ianya nanti akan dimiliki oleh pihak pekerja, kepentingan bumiputera ataupun para pelabur asing. Jika ada para pelabur asing, mengapa dan kenapa, kerana pada pandangan saya rakyat di negara kita ini mampu untuk mengeluarkan modal bagi maksud yang tersebut itu.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah menegaskan, "bahawa Kerajaan Beta akan berusaha untuk memastikan sukan negara terus meningkat dengan mengadakan berbagai kemudahan, kepakaran dan galakan". Saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan, terutamanya kepada Kementerian Belia dan Sukan yang telah berjaya menganjurkan Sukan SEA XV dengan jayanya. Pencapaian dan peningkatan rekod baik telah dapat dibuktikan oleh ahli-ahli sukan kita dan sudah sewajarnya kita mendapat terapat kedua secara keseluruhan di kalangan negara-negara yang mengambil bahagian. Kita juga telah membuktikan kemampuan kita dalam menganjurkan beberapa kejohanan peringkat dunia, seperti Kejohanan Hoki Remaja Dunia, Kejohanan Golf dan Kejohanan Badminton.

Tahun 1990 kecemerlangan dalam bidang sukan diteruskan dengan kejayaan Pasukan Badminton Malaysia di Sukan Komanwel Auckland, New Zealand dengan merangkul dua pingat emas dan dua pingat perak. Usaha gigih yang dibuat oleh keluarga Haji Sidek dalam mengharumkan nama negara sudah seharusnya mendapat pembalasan dari Kerajaan, terutamanya pembalasan-pembalasan yang lebih berbentuk perangsang

agar mereka itu akan terus dan sentiasa dapat mempertahankan gelaran dan seterusnya mengharumkan nama negara.

Adalah diharapkan semoga dengan adanya rangsangan dan galakan daripada pihak Kerajaan akan lebih menyebabkan semua ahli-ahli sukan negara kita lebih bertanggungjawab dalam meninggikan mutu sukan negara. Di samping skim perangsang jika ianya ada, maka para ahli sukan kita juga perlu diberikan latihan dan mendapat latihan bagi menentukan mereka ini mewakili sebuah negara yang bidang kesukanannya mendapat perhatian, keutamaan dan galakan daripada pihak Kerajaan. Tanpa sokongan dan dorongan yang berterusan, sukan negara ini akan mengalaminya masa depan yang malap dan tidak memberangsangkan peningkatan mutu ahli-ahli sukannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan syukur ke hadrat Allah s.w.t. dengan petunjuk dan hidayahNya, Kerajaan pada hari ini di bawah naungan Duli Yang Maha Mulia Tuanku dengan diketuai oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad telahpun dapat membuktikan untuk membentuk negara ini bercorak Islam. Kesungguhan pihak Kerajaan dalam menegakkan syiar Islam dan menjadikan Islam sebagai satu cara hidup yang meliputi semua aspek, termasuk cara pemerintahan dan pentadbiran, perekonomian, keselamatan, masyarakat dan sebagainya perlu disokong oleh semua rakyat dan juga lapisan masyarakat. Walaupun demikian, ada segolongan masyarakat yang ingin menjadi jaguh untuk menjadikan agama alat politik dan dengan mempolitikkan agama maka ini akan mewujudkan isu-isu yang boleh memecahbelahkan sesama umat Islam dan secara tidak langsung akan melemahkan umat Islam di negara kita ini.

Saya yakin dan percaya langkah dan tindakan patut dibuat oleh pihak Kerajaan bagi mengelakkan berleluasanya perpecahan ini.

Apabila kita menyebut perpecahan sesama umat Islam ianya merangkumi juga masalah dakwah songsang yang selalu wujud di mana-mana. Apakah para pendakwah kita telah terkeluar dari landasan Islam yang sebenarnya dan mengapakah ianya masih berlaku jika telah ada langkah dan tindakan pengawalannya oleh pihak Kerajaan. Sebagai contoh terdekat, kes pembunuhan seorang suri rumah yang sedang mengandung 7 bulan di Pengkalan Tentera Laut Diraja Malaysia, Lumut yang dibunuh oleh suaminya sendiri yang dikatakan mengikuti dan menganuti ajaran dakwah songsang. Suaminya menganggap membunuh si isteri adalah halal untuk mempercepatkan si isteri masuk ke syurga kerana ini disebabkan si isteri telah melakukan dosa dan ianya wajib dibunuh bagi menjamin si isteri masuk syurga.

Sekali lagi, saya amat mengharapkan supaya satu undang-undang yang lebih berkesan dapat diwujudkan bagi mengelakkan berlakunya kejadian-kejadian seumpama ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

4.30 ptg.

**Puan Law Jack Yoon:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi penghormatan kepada saya bagi menyokong usul yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Senator Mohd. Wajdi bin Dato' Haji Ishak tadi yang berbunyi:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memulakan ucapan saya menyokong usul Menjunjung Kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Seri Paduka Baginda, benarkanlah saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pihak yang berkaitan dengan perlantikan semula saya ke Dewan Negara ini selama tempoh tiga tahun lagi. Ucapan terima kasih itu ditujukan kepada semua pihak yang bertanggungjawab, mahupun mereka dari pucuk pimpinan parti saya ataupun pucuk pimpinan parti Barisan Nasional yang telah menyokong perlantikan semula saya ini.

Yang akhir sekali, saya menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah memperkenankan perlantikan semula saya ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini saya merasa begitu gembira kerana berada di bumi bertuah ini. Saya amat gembira kerana berada dalam sebuah negara yang begitu aman, tenteram, makmur dan mempunyai masa depan.

Saya berkata demikian ialah selepas pengalaman ngeri saya di Manila, Filipina di mana saya telah dapat melihat dengan mata kepala saya sendiri dan mengalami sendiri kesengsaraan pada hari itu apabila keadaan huru hara berlaku. Satu keadaan yang mungkin meragut nyawa.

Saya ingin merakamkan di sini ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Dato Imam bin Mohd. Hanif, Duta Malaysia ke Filipina dan kepada semua pegawai di kedutaan yang telah memberikan layanan yang begitu baik kepada saya dan rakan-rakan yang lain di dalam keadaan yang begitu menakutkan dan mengharukan. Dato Imam dan pegawai-pegawainya telah berusaha dan membantu tanpa mengira keselamatan diri mereka sendiri memindahkan rombongan Senator-senator dari hotel Inter-Continental di Makati iaitu pusat gerakan pemberontak Filipina ke kedutaan Malaysia.

Ingin juga saya merakamkan di sini ucapan terima kasih saya kepada Kementerian Luar Negeri yang telah banyak juga membantu rombongan ini dalam menjayakan lawatan yang dibuat dan dalam usaha memberi pertolongan kepada rombongan dalam masa kesusahan.

Saya mengucapkan syabas kepada Kementerian Luar Negeri kerana mempunyai duta dan pegawai-pegawai di Kedutaan kita di Filipina yang begitu bertanggungjawab dan berani..

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat membayangkan bagaimana gembiranya saya pada hari ini kerana dipanjangkan umur dan dimurahkan rezeki dan dapat sekali lagi membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai "Payung Negara" yang kita cintai.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa bulan kebelakangan ini negara kita Malaysia telah menjadi tuan rumah kepada dua perjumpaan yang bersejarah. Pertama ialah Sukan SEA dan kedua ialah Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM). Berita-berita mengenai sukan SEA dan CHOGM diberi liputan luas oleh media-massa di seluruh dunia dan ini telah membantu rakyat dunia mengenali Malaysia dengan lebih jelas lagi.

Bukannya senang bagi berita-berita baik untuk mendapat penghormatan disiarkan di muka hadapan akhbar-akhbar. Tetapi Malaysia, dengan cara kita mengendalikan Sukan SEA dan Persidangan CHOGM itu telah diberikan penghormatan itu. Melalui Sukan SEA semangat perpaduan yang selama ini banyak diperkatakan tetapi begitu samar-samar dari segi amalannya dapat ditunjukkan begitu jelas bukan sahaja kepada masyarakat Malaysia, tetapi juga masyarakat dunia. Kita telah membuktikan bahawa negara kita yang berbilang kaum ini boleh bersatupadu untuk merebutkan kejayaan yang begitu cemerlang untuk bangsa dan negara. Sebagai satu bangsa Malaysia kita berkemampuan bersaing dengan negara-negara asing.

Sukan dengan itu memberi nikmat kepada negara. Sukan dapat menyatupadukan sesebuah negara. Ini sudah pun dibuktikan oleh sejarah. Puak-puak Yunani yang sentiasa bercakaran di antara satu dengan lain telah mencari kedamaian melalui sukan. Mereka berkumpul setiap empat tahun sekali di gunung Olympus untuk bersukan. Rakyat kita telah membuktikan sendiri bahawa sukan boleh menyatupadukan sebuah negara yang berbilang kaum.

Perpaduan amatlah penting bagi negara kita. Sekiranya sukan boleh dijadikan salah satu daripada alat yang boleh memupuk perpaduan, Kerajaan mestilah berusaha lebih giat lagi menggalakkan sukan. Jika hendak melentur buluh biarlah dari rebungunya. Dengan itu ada banyak manfaatnya jika sukan ini digalakkan secara bersungguh-sungguh dan dengan penuh komitmen di peringkat sekolah rendah lagi iaitu di kalangan murid-murid.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi sifat murni yang dapat dipupuk dari sukan ialah sifat kesetiaan yang timbul dari beberapa punca dalam sukan. Pertama ialah semangat setia kepada kumpulan atau

pasukan. Kedua ialah semangat setia kepada jajahan atau wilayah. Akhir sekali ialah setia kepada negara. Punca pertama ini timbul apabila ada pertandingan di antara satu pasukan dengan pasukan yang lain.

Yang kedua pula, timbul apabila pasukan yang mewakili satu jajahan atau wilayah itu bertarung dengan pasukan dari jajahan atau wilayah lain.

Punca ketiga itu adalah memuncak pemupukan semangat kesetiaan yang sebenar-benarnya iaitu setia kepada negara. Ini tertanam dalam jiwa seseorang pemain itu apabila ada perlawanan di antara sebuah negara dengan negara yang lain. Sukan tidak memilih kaum. Yang penting dalam sukan ialah kemahiran, kepintaran, kepakaran dan daya tahan yang kuat.

Sekiranya Kerajaan menerima hakikat sukan ini sebagai satu alat yang boleh memupuk kesetiaan rakyat kepada negara ini dengan lebih mantap lagi, maka Kerajaan bukan sahaja bertanggungjawab terhadap menggalakkan rakyatnya bersukan tetapi lebih dari itu. Dengan ini bermakna Kerajaan perlu mengadakan program-program dan rancangan-rancangan yang boleh menggalakkan rakyatnya bersukan.

Untuk menggalakkan rakyatnya bersukan dengan lebih giat lagi, Kerajaan perlu juga memberi insentif-insentif yang boleh menjadi tarikan besar kepada sukan.

Bersukan akan menjadi sebahagian daripada budaya hidup masyarakat negara ini. Sukan dengan itu kepada mereka yang pintar dan berkemahiran boleh dijadikan punca sara hidup, setidak-tidaknya untuk hidup dengan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, CHOGM telah mengharumkan nama Malaysia di seluruh dunia melalui publisiti-publisiti yang diberikan oleh media massa. Di dalam perkara ini saya ingin mengucapkan syabas dan setinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang kita kasihi di atas segala usahanya menjayakan persidangan itu dan seterusnya memperkenalkan Malaysia ke serata dunia.

Salah satu tajuk utama yang dibincangkan dalam CHOGM ialah penyalahgunaan dadah. Penyalahgunaan dadah menimbulkan pelbagai masalah sosial. Akibat dari penagihan itu seseorang itu sanggup mencuri, merompak malahan ada yang sanggup membunuh.

Sekarang terdapat kanak-kanak hilang dalam perjalanan balik dari sekolah, pada masa membeli-belah dan berkelah. Kemungkinannya besar mereka itu dicolek atau ditipu oleh penagih-penagih dadah

untuk dipergunakan kemudian hari. Kanak-kanak ini dilatih mencuri, menipu dan yang perempuan pula dijadikan pelacur. Penagihan dadah ini telah membawa satu lagi akibat buruk dan sangat merbahaya kepada masyarakat dan seterusnya kepada negara. Dengan menggunakan jarum suntikan berkali-kali untuk menyuntikkan dadah ke dalam diri mereka, ada di antara mereka yang dijangkiti penyakit AIDS, suatu penyakit yang pada ketika ini belum ada lagi ubat pelali atau penyembuhnya. Penyakit AIDS ini membawa maut. Penyakit ini kemudian boleh dijangkiti oleh orang lain melalui hubungan seks secara rambang dan kemudian berjangkit pula kepada orang lain. Akhirnya sebuah negara boleh hancur jika jangkitan penyakit ini tidak dapat dikawal. Kita bersyukur bahawa penyakit AIDS belum sampai ke tahap yang mengemparkan dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita berbangga dengan Undang-undang Dadah kita dan kita tidak akan minta maaf kepada sesiapa pun di atas hukuman gantung mandatori yang dijatuhkan ke atas pengedar-pengedar dadah. Dan hukuman berat yang dikenakan kepada penagih-penagih dadah. Negara-negara luar sekarang sudah mula nampak kewarasan pemikiran kita mengenai masalah dadah dan mereka telah mula mengikut undang-undang yang pada suatu masa dahulu dikatakan sebagai "draconian" atau tidak berperikemanusiaan. Dadah ini adalah pembunuh senyap dan lebih merbahaya lagi dari ancaman keganasan komunis yang kita hadapi bertahun-tahun lamanya. Saya percaya undang-undang tegas yang kita menguatkuasakan ini telah berjaya melemah dan mengurangkan kegiatan pengedar-pengedar dadah.

Tuan Yang di-Pertua, kita boleh menjatuhkan hukuman mati ke atas sesiapa pun yang mengedar dadah. Tetapi hukuman mati ini boleh dijalankan ke atas mereka yang ditangkap di dalam negara kita dan

dibuktikan bersalah oleh mahkamah, Bagaimana pula dengan sindiket besar yang beroperasi di luar negara kita yang boleh menyeludupkan dadah ke negara ini kepada agen-agen mereka? Selagi ada sindiket pengedar dadah di negara asing selagi itulah dadah akan terus diedar di negara ini, walau bagaimana berat sekalipun hukuman yang dijatuhkan kepada pengedar-pengedar yang dapat ditangkap, Ini ialah oleh kerana pulangan yang diperolehi dari pengedaran dadah begitu lumayan dan oleh .yang demikian ada orang yang berani menghadapi risikonya.

Tuan Yang di-Pertua, masalah penyalahgunaan dadah ini bukan lagi masalah negara-negara tertentu sahaja tetapi sudah menjadi masalah seluruh dunia. Sekiranya hakikat ini diterima oleh dunia maka ada perlunya kerjasama di peringkat antarabangsa bagi mengawal dan mengatasinya. Satu daripada usaha ke arah menumpaskan kegiatan penyalahgunaan dan pengedaran dadah ini ialah dengan mengadakan undang-undang yang selaras di antara satu negara dengan negara yang lain. Ini telahpun dipersetujui oleh negara-negara ASEAN. Sekiranya undang-undang ini dapat diselaraskan bagi semua negara di dunia ini maka hilanglah tempat bagi pengedar dadah mencari perlindungan di sebuah negara lain.

Satu aspek perundangan yang berkuatkuasa di negara kita ialah pihak berkuasa boleh merampas harta pengedar-pengedar dadah. Undang-undang yang sama jika diterima dan dikuatkuasakan di semua negara di dunia ini akan dapat melumpuhkan kegiatan-kegiatan pengedar-pengedar ini. Seperti apa yang telah saya tekankan tadi, keseragaman undang-undang dadah bagi semua negara di dunia ini amatlah penting sekali.

Tuan Yang di-Pertua, negara-negara CHOGM telah menerima penetapan yang dibuat oleh Malaysia bagi memerangi wabak dadah. Adalah diharapkan bahawa apa yang disarankan oleh Malaysia bukan sahaja disetujui oleh 49 buah negara ini sahaja, tetapi oleh semua negara di dunia ini. Masalah dadah ini bukanlah tanggungjawab sebuah negara sahaja tetapi adalah tanggungjawab semua negara. Perbelanjaan memerangi wabak dadah ini adalah amat besar dari segi kawalan di sempadan negara untuk membanteras kegiatan penyeludupan, kawalan di bandar-bandar dan di kampung-kampung untuk memastikan dadah tidak dapat diedarkan.

Penyelenggaraan pusat pemulihan dan program-program pemulihan juga memerlukan perbelanjaan yang besar. Banyak negara ketiga tidak mampu menyediakan perbelanjaan yang begitu besar untuk menjalankan semua aktiviti ini. Dengan itu kerjasama antarabangsa adalah sangat diperlukan. Amerika Syarikat umpamanya telah mengeneipkan sebanyak \$US7.86 bilion untuk membasmi najis dadah. Apalah kiranya jika sebahagian daripada peruntukan itu dipanjangkan ke negara-negara ketiga seperti Malaysia bagi tujuan yang sama.

Andainya Amerika Syarikat boleh menghulurkan \$US1 bilion kepada Malaysia untuk memerangi wabak dadah dan Malaysia pula boleh membelanjakan tiap-tiap sen wang itu bagi tujuan yang dimaksudkan.

Tuan Yang di-Pertua, adakah peranan memerangi wabak dadah ini berakhir di situ sahaja? Bagaimana pula dengan peranan masyarakat dan tiap-tiap individu di negara ini? Kita perlu ingat bahawa tidak sesiapa pun yang sanggup mengedar dadah jika tidak ada pembelinya. Siapa pula yang menjadi pembelinya? Mereka itu ialah orang-orang yang telah kena ketagihan, mereka yang senang sekali dipengaruhi untuk menjadi penagihnya ialah anak-anak muda yang sedang membesar dan akan mencapai kedewasaan. Mereka mahu kepada pengalaman baru dan sanggup mengalami apa sahaja walaupun hanya untuk sekali. Oleh kerana naluri mahu tahu ini, mereka boleh tercebur ke alam penagihan. Mereka yang mentah dan muda ini masih di dalam jagaan ibubapa mereka dan sudah tentulah ibubapa mereka bertanggungjawab ke atas diri mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam banyak peranan bagi memerangi wabak dadah ini, pada hemat saya yang amat penting sekali ialah peranan ibubapa. Oleh kerana jika wabak dadah ini dapat diperangi pada peringkat ini, kemungkinan besar sekali bahawa dadah itu tidak akan dapat menghampiri anak-anak kita apabila mereka sudah besar. Kita sebagai ibubapa perlu menjaga dan mengawasi anak-anak kita. Yang penting ditonjolkan kepada mereka ialah kasih-sayang dan kearifan kita tentang masalah mereka. Untuk menunjukkan kasih-sayang ini kita perlu meluangkan masa untuk mereka walau bagaimana sibuk sekalipun kita dengan urusan-urusan yang lain. Kita jangan lupa

kata-kata geliga orang tua-tua, "tangan yang membuai buaian itu yang kelak akan memerintah dunia" dan "jika hendak melentur buluh biarlah dari rebungunya".

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar kemiskinan merupakan salah satu sebab utama yang mengakibatkan kedua-dua ibu dan bapa keluar bekerja dan meninggalkan anak-anak mereka di rumah tanpa pengawasan. Ibubapa dari golongan berpendapatan rendah tidak ada masa yang cukup untuk mendampingi anak-anak mereka kerana seelok mencari wang untuk memperolehi kesenangan fizikal untuk anak-anak mereka. Usaha mencari wang dan mendidik anak-anak pada masa ini adalah satu masalah yang besar, terutama sekali kepada kaum wanita. Dengan itu ada banyak baiknya jika kita dapat membantu wanita ini agar mereka dapat meninggikan taraf hidup mereka dan di samping itu dapat pula mendidik anak-anak mereka dengan sempurna.

Wang sejumlah \$390 juta telah diperuntukan bagi program-program pembangunan rakyat miskin. Satu daripada program yang boleh diwujudkan ialah jenis pekerjaan yang tidak memerlukan sepenuh masa bagi kaum wanita. Program yang saya maksudkan di sini ialah pembangunan industri kampung. Industri ini boleh dipusatkan di satu tempat yang senang dikunjungi oleh wanita-wanita berkenaan dan kerja yang dibuat itu boleh juga dijalankan di rumah wanita itu sendiri. Di dalam usaha Kerajaan membangunkan industri kampung ini adalah sangat adil jika kampung-kampung baru juga dimasukkan di dalam rancangan-rancangan itu.

Saya membangkitkan perkara ini bukanlah kerana apa tetapi kerana hakikat bahawa ramai daripada penduduk kampung baru juga dari golongan orang miskin. Satu perkara lagi yang perlu saya sebutkan di sini ialah tiap-tiap kampung baru itu sudah berpusat dengan sendirinya dan sekiranya ada kerja yang perlu dilakukan, soal mengumpulkan orang tidak menjadi masalah. Di pusat industri kampung, banyak boleh dihasilkan seperti kraftangan yang diperlukan oleh masyarakat tempatan dan juga yang diminati oleh pelawat-pelawat asing. Di sini kaum ibu boleh diberikan latihan kemahiran yang diperlukan dan kemudian menjalankan kerja-kerja yang dirancangkan. Masa untuk bekerja mungkin hanya dua atau tiga jam sahaja sehari dan oleh kerana pusat-pusat kerja ini dekat dengan rumah ibu-ibu tadi mereka boleh berulang alik dengan senang. Yang penting di sini ialah selain daripada menambah dapat pendapatan keluarga, ibu-ibu ini juga dapat memberi perhatian penuh terhadap kebajikan anak-anak mereka. Dengan cara ini, Kerajaan bukan sahaja dapat membantu meningkatkan pendapatan orang miskin tetapi juga dengan tidak secara langsung membina satu masyarakat masa hadapan yang sihat dan berdisiplin.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan penjagaan anak-anak ini, ingin saya sebutkan di sini tentang jumlah kanak-kanak yang hilang makin meningkat. Kanak-kanak ini mungkin diculik atau dengan sendiri lari dari rumah mereka. Pada tahun 1985 hingga tahun 1988, jumlah kanak-kanak di antara umur 6 hingga 16 tahun yang dilaporkan hilang ialah 1,280 orang. Di antara faktor-faktor yang boleh menyebabkan berlaku masalah sosial ini ialah:-

- (1) kurang penjagaan dan pengawalan oleh ibubapa
- (2) kurang perhatian dan kasih sayang dari ibubapa

- (3) rumahtangga yang porak poranda
- (4) kemiskinan
- (5) pengaruh dari kawan-kawan sebaya.

Tuan Yang di-Pertua, satu masalah besar yang kita hadapi pada masa ini ialah penganiayaan kanak-kanak. Penganiayaan kanak-kanak ini boleh berlaku tidak mengira keluarga, bangsa, pekerjaan atau status keluarga yang membela kanak-kanak itu. Perkara ini berlaku oleh kerana beberapa sebab tetapi ada punca kejadian ini yang boleh diambil tindakan segera oleh Kerajaan untuk mengurangkan jumlah punca itu. Satu daripada perkara yang boleh menjadi punca kezaliman ini ialah Akta-akta Kerajaan yang telah lapuk.

Tuan Yang di-Pertua, satu daripada Akta yang saya katakan sudah lapuk itu ialah Akta Jagaan Anak-anak 1961. Akta ini memberi kuasa penjagaan kepada si bapa. Apabila ada penceraian manakala si ibu tidak mempunyai apa-apa kuasa undang-undang. Si ibu patut juga diberi hak jagaan anak di sisi undang-undang bagi membolehkan dia membuat keputusan bagi si anak. Misalnya untuk menandatangani dokumen-dokumen seperti mengambil kad pengenalan dan passport. Dengan pindaan ini, kedua-dua ibu dan bapa bolehlah mempunyai kuasa yang sama bagi menentukan hak-hak anak mereka, terutama bagi kes-kes di mana bapa si anak tidak dapat dikesan. Apabila ada kerumitan seperti ini konflik kekeluargaan yang dihadapi oleh kanak-kanak itu bertambah besar lagi dan ini akan membawa keburukan kepada pemikiran kanak-kanak itu. Walaupun masalah seperti ini berketika tetapi kesan kecacatan kekeluargaan itu besar pada kanak-kanak yang berkenaan dan akibatnya muncul hanya kemudian apabila kanak-kanak itu mencari jalan keluar dari masalah yang dihadapi dengan memilih cara hidup yang tidak diterima oleh masyarakat biasa dan mungkin

juga menyalahi undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi daripada Akta yang saya katakan sudah lapuk itu ialah Akta Pembahagian Harta 1958. Akta ini telah dikuatkuasakan sejak 30 tahun dahulu. Akta ini memperuntukkan pembahagian harta peninggalan si suami yang mati tanpa wasiat diberi satu pertiga daripada harta peninggalan kepada si isteri dan dua pertiga kepada anak-anaknya. ,Sebaliknya, jika si isteri mati tanpa meninggalkan wasiat, kesemua harta peninggalannya diberikan kepada si suami tidak sedikitpun kepada anak-anak mereka. Sekiranya si suami mati tanpa wasiat dan mereka tidak ada anak, si isteri akan dapat setengah daripada harta peninggalan suami dan setengah lagi kepada ibubapa atau adik beradik si suami. Mengikut peruntukan Akta ini, kita boleh nampak dengan jelas bahawa kedudukan dan masa hadapan anak-anak yang ditinggalkan selepas kematian ibu tidak diberi perhatian berat dan dengan keadaan yang begini, kanak-kanak berkenaan boleh hidup melarat.

Saya ingin mencadangkan di sini bahawa apabila terjadi kematian sama ada si isteri atau si suami, harta yang ditinggalkan mestilah dibahagikan setengah kepada si isteri atau si suami dan setengah kepada si anak. Dengan cara ini, masa hadapan anak berkenaan akan lebih terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua Akta yang saya sebutkan tadi membawa masalah bukan sahaja kepada anak-anak tetapi lebih-lebih lagi kepada ibu yang menanggung anak-anak itu sekiranya ibu mengalami kesusahan dalam soal menjaga kesejahteraan anak-anaknya maka pada akhirnya akan membawa kesan yang buruk kepada anak-anak Itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah bercakap dengan panjang lebar di sini mengenai kesejahteraan keluarga demi kepentingan anak-anak yang ada dalam keluarga itu. Bukan kerana apa, tetapi demi kepentingan anak-anak yang pada satu masa nanti akan menjadi pemerintah negara.

Sekiranya ada komitmen yang sepenuhnya dari pihak ibu bapa, masyarakat dan Kerajaan, saya percaya satu daripada penyakit sosial di dalam masyarakat kita akan dapat dikurangkan dan ini akan mengurangkan sedikit beban Kerajaan.

Kita di sini sebagai Ahli Dewan yang mulia ini perlu juga memberikan komitmen kita dan dengan komitmen yang kita berikan **itu**, saya percaya kita telah menyumbangkan terhadap menjadikan negara ini sebuah negara yang bersatupadu, stabil, aman dan makmur.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Usul Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda. Sekian, terima kasih .

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis sekarang ialah suatu Usul atas nama Yang Berhormat Tuan Mohamad Wajdi bin Dato' Haji Ishak iaitu:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih 'Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Ketujuh,"

Sekarang terbuka untuk dibahas. Saya menjemput Yang Berhormat Tuan G. Rajoo.

### **5.13 ptg.**

**Tuan G. Rajoo:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk menyokong Usul Ucapan Terima Kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana Titah Ucapan Kebawah Duli Baginda semasa membuka Penggal Keempat Parlimen Ketujuh baru-baru ini.

Saya mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli atas Titah Ucapan Baginda semasa membuka Penggal Keempat Parlimen Ketujuh ini.

Titah Ucapan Baginda adalah satu ucapan yang bernas, sesuai dengan keadaan zaman. Titah Ucapan Baginda mengandungi mesej-mesej yang jelas dan nasihat-nasihat yang patut diberi perhatian oleh segenap lapisan rakyat di negara ini. Baginda telah menyentuh segala aspek pentadbiran negara termasuk ekonomi, keselamatan, sosial, agama, pendidikan dan lain-lain secara menyeluruh dan ini jelas mencerminkan kesungguhan Baginda untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang aman, maju, makmur, stabil dan bersatupadu.

Semenjak Baginda menjadi Yang di-Pertuan Agong yang ke-IX, negara telah mengalami beberapa peristiwa yang bersejarah dan gemilang, yang membawa erti yang besar kepada seluruh rakyat Malaysia. Peristiwa-peristiwa ini telah menjadi simbul perpaduan dan keunggulan rakyat Malaysia sehingga rakyat Malaysia terus mencintai negara yang membolehkan negara kita mengalami kestabilan politik, perkembangan ekonorni yang pesat dan pembangunan negara yang mengharumkan.

Semenjak Baginda menerajui negara, Malaysia telah rnenganjurkan Sukan SEA yang ke-XV dengan jayanya dan mencatatkan rekod terbaik dalam Sukan SEA, dengan menduduki tempat kedua dalam kedudukan pingat. Seluruh rakyat dari segenap lapisan turut gembira atas kejayaan ini.

Dalam bidang sukan juga ,yang mana Baginda sangat gemari, Malaysia telah dengan jayanya menganjurkan Kejohanan Hoki Remaja Sedunia di Ipoh, Kejohanan Squash Sedunia, Kejohanan Polo dan Golf, Kejohanan Sepak Takraw Sedunia dan Badminton Pra-Kelayakan Piala Thomas baru-baru ini.

Saya yakin dan percaya kecemerlangan sukan negara telah menjadi aspirasi nasional di samping melahirkan dan mewujudkan generasi baru yang sihat dan cergas, serta bersefahaman dan bersatu-padu serta amanah menjadi ciri-ciri penting dalam menjamin keharmonian hidup masyarakat Malaysia. Untuk mencapai aspirasi ini, saya berharap kegiatan-kegiatan sukan hendaklah dibiarkan ditadbir dan dikelolakan oleh pakar-pakar sukan sendiri dan sejauhmana yang boleh. Ahli-ahli politik dan unsur-unsur politik janganlah dicampur-aduk dalam kegiatan sukan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Pengerusi Tetap masa depan Komanwel diberi penghormatan yang tertinggi, apabila diberi peluang menemui Nelson Mandela di Lusaka Zambia sebaik sahaja beliau dibebaskan oleh Regim Pretoria di Afrika Selatan. Di samping mengharumkan nama Malaysia di seluruh dunia, negara Malaysia juga sedang menarik lebih banyak lagi pelancong melalui kempen Tahun Melawat Malaysia 1990. Perkara-perkara ini telah

memberi kehormatan yang tinggi kepada negara dan kita berjaya meletakkan Malaysia menerima hakikat Malaysia sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen dan Raja Berperlembagaan, yang selama ini menjadi amalan kita tanpa sebarang masalah. Tetapi baru-baru ini timbul satu golongan prominent yang mengelar diri mereka sebagai intelek menubuhkan suatu Jawatankuasa untuk memastikan pilihanraya yang akan datang di negara ini adalah bebas dan adil, dengan izin, free and fair. Golongan ini berpendapat dan beranggapan kononnya pilihanraya di negara ini adalah penuh dengan penipuan dan fraud.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan percaya tujuan golongan ini menubuhkan Election Watch ini adalah semata-mata hanya untuk memperkecilkan dan mengembarraas those in power, kesemua enam self-appointed anggota Election Watch ini adalah fault-finders of The Government, dan dikenali dengan peranan anti-establishment beberapa tahun kebelakangan ini, walaupun Election Watch ini dianggotai oleh Tun, Tan Sri, Dato, bekas Hakim, doktor, bekas Auditor General dan peguam yang terkenal, mereka bukanlah bebas dan neutral.

Rakyat tidak harus terpedaya dengan stand mereka. Kenyataan-kenyataan mereka bahawa pilihanraya-pilihanraya dan Suruhanjaya Pilihanraya tidak adil di negara ini. Pengwujudan kumpulan ini boleh menjejaskan kepercayaan dan keyakinan rakyat terhadap proses pilihanraya di negara ini dan akan menimbulkan prasangka bahawa pilihanraya di negara ini adalah tidak jujur dan unfair, tetapi Tuan Yang di-Pertua, kenyataan dan peristiwa yang paling ketara bahawa pilihanraya di negara ini adil ialah ada beberapa orang Pembangkang di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri seluruh negara. Bukan sahaja itu, beberapa buah negeri seperti Kelantan, Terengganu, Pulau Pinang dan sekarang ini Sabah juga dapat dikuasai oleh Pembangkang dan parti-parti Pembangkang kerana menubuhkan Kerajaan dalam negeri-negeri tersebut. Jika election kita rigged, bagaimanakah perkara ini boleh berlaku? Semenjak merdeka, negara kita telah mengadakan tujuh kali pilihanraya dan dalam pilihanraya-piliharraya tersebut, beberapa Menteri Kerajaan, Ketua Menteri, Timbalan Menteri, bahkan tokoh-tokoh seperti Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir, Dato' Seri Senu Abdul Rahman sendiri dikalahkan oleh Pembangkang walaupun mereka ini dari parti pemerintah. Jika pilihanraya kita tidak adil, bagaimanakah ini boleh berlaku? Oleh yang demikian, saya yakin tajuan kumpulan ini adalah hanya memburukkan nama baik Malaysia di kalangan dunia dan mencetuskan huru-hara di negara ini dengan menakut-nakutkan pelabur-pelabur asing datang ke negara ini.

Mereka menubuh bahawa pemerintah di negara ini makin kuat yang mengakibatkan bahaya kepada kebebasan institusi-institusi penting

bagi kehidupan dan survival Demokrasi Berparlimen di negara ini serta menubuhkan kumpulan Election Watch sama seperti di Chile , Korea Selatan, Nicaragua, Sri Lanka dan Bangladesh, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya yakin negara-negara ini mempunyai alasan dan sebab-sebab yang kukuh untuk mendirikan Jawatankuasa Election Watch di negara-negara tersebut. Kenapa kita harus mencontohi negara-negara tersebut di atas?

Chile adalah sebuah negara military dictatorship, Korea Selatan adalah sebuah negara military, Nicaragua pertempuran darah berlaku sebelum Kerajaan dictatorship diguling dan dibuang. Sri Lanka pula mempunyai pencetusan kaum dan political strife serta Bangladesh adalah sebuah negara military. Kenapa kita harus menyamakan negara kita dengan negara-negara di atas?

Kita tidak ada kerajaan military, kita tidak ada dictatorship dan kita tidak ada pertumpahan darah akibat pergaduhan kaum. Oleh yang demikian, rakyat seharusnya mengenyahkan dan konderm kumpulan Election Watch ini dan menaruh penuh keyakinan kepada Suruhanjaya Pilihanraya kita yang telah wujud selama lebih 30 tahun ini. Kepada Suruhanjaya saya menyarankan supaya meneruskan "The good work you are doing". Saya yakin " the world is behind you", dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, manakala negara menghadapi golongan kecil di arena-arena antarabangsa kita telah mengharumkan nama dalam memerangi dadah secara global dan universal. Saya amat bersetuju dengan saranan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Tuan Ghafar Baba bahawa masalah dadah ini perlu diserbu secara violent , comprehensive dan global. Saya yakin dan percaya usaha-usaha

penguatkuasa undang-undang sahaja tidak mencukupi untuk memerangi dadah. Perampasan dadah dan menjatuhkan hukuman. atas pengedar-pengedar, tnungkin akan inengakibatkan kekurangan dadah secara sementara dan kenaikan harga barangan tersebut.

Saya mengambil kesempatan ini merayu kepada Kerajaan untuk mencari jalan mengurangkan permintaan dadah melalui propaganda-propaganda yang efektif dan menerangkan ancaman bahaya dadah agar pemuda-pemuda kita tidak ditempted by curiosity atau terikut-ikut rakan mereka tersangkut dalam penyalahgunaan dadah. Saya bersetuju bahawa penagihan dadah hendaklah dianggap sebagai masalah sosial dan perubatan dan bukanlah lagi sebagai isu criminal, akan tetapi, Malaysia hendaklah mendesak organisasi-organisasi sedunia seperti Bangsa-bangsa Bersatu menimbangkan strategi dari aspek-aspek pengedaran seperti menghalang perniagaan senjata secara haram dan penjualan bahan-bahan kimia yang digunakan dalam pemprosesan dadah .

Saya sedar penanaman pokok-pokok popi dan cocaine dikaitkan dengan kemunduran sesebuah negara. Adalah sukar bagi pentadbir untuk memujuk orang-orang asli dan petani menyingkirkan idea menanam pokok-pokok ini selagi tidak ada alternatif yang lain yang lebih sesuai. Oleh yang demikian, Kerajaan hendaklah memerangi dadah secara global dengan mengurangkan permintaan kepada dadah. Kerajaan juga harus memerangi merampas harta yang dimiliki dengan penjualan dadah.

Undang-undang ketat mungkin menyusahkan perniagaan dadah, tetapi ini tidak akan menjamin penghapusan dadah. Kerajaan harus membantu petani-petani ini dengan penjualan dadah. Undang-undang ketat mungkin menyusahkan perniagaan dadah, tetapi ini tidak akan menjamin penghapusan dadah. Kerajaan harus membantu petani-petani

ini dengan subsidi-subsidi yang liberal agar Orang Asli mencari tanaman alternatif dan menjauhi penanaman pokok-pokok dadah. Jika perlu, Malaysia hendaklah mengambil inisiatif menubuhkan satu tabung antarabangsa untuk membantu Orang Asli dan petani di negara-negara yang menanam projek popi dan cocaine untuk menjauhi diri dari penanaman pokok-pokok dadah ini. Saya berharap Malaysia akan terus memerangi najis ini secara global, lebih-lebih lagi setelah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dipilih sebagai Pengerusi Anti-Penyalahgunaan Dadah Sedunia baru-baru ini.

Langkah-langkah yang diambil oleh Malaysia harus dipuji dan saya yakin banyak lagi negara akan mencontohi Malaysia dalam memerangi dadah. Malaysia harus meneruskan peperangan ini secara global dalam forum-forum antarabangsa agar ianya tidak memberi kesan yang negatif kepada negara yang kita cintai ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah yang tertinggi kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan kita, Saudara Anwar Ibrahim, atas pemilihan beliau selaku Pengerusi UNESCO baru-baru ini. Pemilihan beliau jelas membuktikan kepercayaan dan keyakinan dunia terhadap sistem pendidikan negara kita. Yang Berhormat Menteri Pendidikan kita yang mempunyai vision yang positif telah memperkenalkan beberapa pembaharuan sistem pendidikan negara ini dengan tujuan mewujudkan rakyat berpelajaran tinggi, berkalibar, berteknologi tinggi dan sensitif serta peka terhadap pembaharuan zaman.

Dalam aspek ini saya ingin mengucapkan syabas di atas kegigihan dan kesungguhan Yang Berhormat Menteri Pendidikan memperkenalkan Akta Pendidikan yang baharu yang selama ini tidak berani diusik semenjak ianya diperkenalkan 13 tahun dahulu.

Saya mengambil kesempatan ini merayu kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan supaya memastikan kedudukan dan ciri-ciri kebudayaan Sekolah Tamil dan Sekolah Cina tidak berubah dalam pengubalan Akta Pendidikan yang baru ini. Saya berharap deraf Akta ini diberi kepada semua lapisan rakyat seperti ahli-ahli politik, ahli-ahli akademik, pertubuhan sukarela dan sosial, kesatuan-kesatuan pengguna, sebelum ianya dilaksanakan agar mereka mengkaji dan memberi komen atas Akta ini supaya ianya menjadi suatu dasar yang ideal bagi sistem pendidikan di negara ini.

Dalam aspek ini saya juga merakamkan penghargaan yang tertinggi kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan kerana membenarkan Sekolah Tamil Y.M.H.A., Taiping kembali menjalani pelajaran dalam bahasa Tamil, setelah hampir 14 tahun menjadi media Bahasa Malaysia. Ini jelas membuktikan Kerajaan tidak mempunyai niat untuk menindas sesuatu kaum atau menghadkan pendidikan sesuatu kaum di negara ini, dan fenomena ini adalah amat baik kepada negara yang berbilang kaum ini.

Tuan Yang di-Pertua, semasa membincangkan hal-hal pendidikan, saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini tentang pelaksanaan gaji dua skim baru-baru ini. Sesungguhnya pelaksanaan gaji dua skim ini memberi manfaat dan faedah kepada segolongan besar guru-guru di negara ini. Sebilangan besar guru-guru masih berasa

hampa atas pelaksanaannya. Apa yang menyedihkan adalah gaji dua skim ini menimbulkan banyak masalah dan saya kawatir anasir-anasir tertentu akan mengeksploitasikan isa-isu ini dan prestasi guru untuk kepentingan sempit politik mereka. Saya kawatir jika keadaan ini terus dibiarkan begitu, Kerajaan akan mengalami masalah mematahkan dakyah dan tipu helah parti-parti Pembangkang seperti Semangat 46, DAP dan PAS.

Saya sedar golongan-golongan yang tidak' mendapat faedah yang diingini dalam gaji dua skim ini adalah termasuk guru-guru besar yang menjadi grass-root leaders dan pemmpin tempatan bagi penduduk-penduduk luar baridar. Saya difahamkan di bawah pelaksanaan gaji dua-skim ini, guru-guru besar diturunkan pangkat, kononnya kerana hanya diberi gaji atas tanggagaji Timescale, tetapi mereka sekarang ini berada dalam taniggagaji Tingkatan Khas dan Tingkatan Tertinggi. Oleh yang demikian, wajarlah bagi Kerajaan supaya memberi gaji Tingkatan Kanan atau Tingkatan Tertinggi bagi guru-guru besar di dalam gaji dua-skim.

Dalam aspek ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada suatu golongan guru besar yang disahkan tidak langsung diberi opsyen lagi dan Kementerian Pendidikan tidak memberitahu mereka mengapa borang opsyen belum diberi kepada mereka, manakala rakan-rakan sejawatan mereka semuanya telah menerima option papers. Saya difahamkan bahawa guru-guru besar yang terlibat adalah mereka yang diberi taraf Penyandang apabila Skim Aziz dilaksanakan 20 tahun dahulu. Selama 20 tahun ini mereka telah menikmati semua kemudahan guru besar dan "for all intents and purposes" dianggap sebagai guru besar atas tangga-

gaji C5-1. Kebanyakan guru-guru besar ini berkhidraat di Sekolah Tamil, Sekolah Cina dan Sekolah Kebangsaan selama lebih 30 tahun sebagai Guru Besar. Oleh kerana mereka ini berada dalam tanggagaji guru besar, walaupun mereka diberi taraf 'Penyandang' semasa Skim Aziz dilaksanakan. Saya berharap Kerajaan akan memberi Kertas Opsyen kepada mereka ini dan menempatkan mereka atas tanggagaji BIO seperti rakan-rakan sejawatan mereka yang lain yang gama-sama berada dalara tanggagaji Guru Besar dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lain di atas pelaksanaan gaji dua skim ini adalah berkaitan.dengan guru-guru kategori B1 dan B2 yang tidak mendapat faedah secara langsung dalam gaji dua-skim. Kerajaan haruslah menimbangkan kemungkinan menawarkan secara terus gaji dua-skim kepada semua guru-guru kategori 81 dan B2 tanpa sebarang syarat. Jika sekiranya perlu di adakan syarat had umur itu hendaklah dikurangkan dari 50 tahun kepada 45 tahun bagi guru-guru ini memasuki skim di atas tanggagaji C8. Saya berharap Kerajaan akan mengkaji semula pelaksanaan gaji dua skim ini agar semua guru mendapat faedah setelah menunggu hampir 10 tahun untuk dilaksanakan. Apalah gunanya setelah 10 tahun berunding dan merancang, masih terdapat ketidakpuasan dan kekurangan bagi golongan pendidik kita akibat pelaksanaan gaji dua skim ini.

Tuan Yang di-Pertua, selepas pengumuman keputusan SPM dan STPM baru-baru ini, saya percaya ramai murid akan berlumba-lumba untuk mendapatkan tempat di universiti-universiti tempatan yang terhad di negara ini. Besar kemungkinan orang yang berada dan yang tidak berjaya mendapat tempat di universiti tempatan akan keluar negeri

untuk melanjutkan pelajaran mereka dalam bidang-bidang tertentu. Saya yakin dan percaya berjuta-juta ringgit akan dibawa keluar oleh penuntut-penuntut ini untuk mendapatkan pelajaran mereka di luar negeri. Ini adalah satu kerugian yang besar kepada 'foreign reserve' negara kita.

Saya mengambil kesempatan ini merayu kepada Kerajaan supaya membuka banyak lagi universiti di negara ini untuk menampung keperluan tenaga rakyat. Sebagai satu langkah alternatif, pengambilan pelajar ke universiti hendaklah diperluaskan agar sesiapa sahaja yang mempunyai kelayakan diterima masuk ke universiti tempatan. Saya sedar, tindakan sedemikian akan menelan belanja yang banyak dan akan mebebankan Kerajaan, tetapi sebaliknya saya percaya memberi peluang pelajaran kepada penuntut kita adalah satu obligasi sosial negara dan Kerajaan haruslah menampung kos belanja yang besar ini agar mewujudkan suatu masyarakat yang berpelajaran tinggi.

Saya difahamkan institusi-institusi pengajian tinggi di negara ini akan diswastakan tidak lama lagi dan saya percaya langkah ini menuju ke satu arah yang amat sensitif dan merbahayakan. Kerajaan mempunyai obligasi dan menjamin segenap lapisan rakyat di negara ini tanpa mengira keturunan kaum, kedudukan kaya atau miskin, semuanya hendaklah diberi peluang yang sama untuk melanjutkan pelajaran di institusi-institusi pengajian tinggi jika mempunyai kelayakan akademik yang diperlukan. Jika tidak, saya khuatir selepas penswastan institusi pengajian tinggi, hanya golongan yang berada dan kaya raya sahaja mendapat peluang belajar di unversiti dan institusi-institusi pengajian tinggi di negara ini.

Akan tetapi dalam aspek ini Kerajaan haruslah menggalakkan rancangan-rancangan twinning progame dalam proses pendidikan tinggi yang sedang bergiat di negara ini sekarang. Pada masa ini beberapa institusi Pengajian swasta di negara ini sedang melakukan program twinning dengan beberapa buah universiti di luar negeri seperti Canada, Australia, Britain dan Amerika dan melaksanakan program permulaan ijazah diadakan di negara ini. Mereka hanya perlu keluar negeri pada peringkat akhir sahaja untuk mendapatkan degree yang relevant.

Perkara ini haruslah digalakkan kerana ini akan memberi peluang kepada lebih ramai lagi pelajar mendapat pengajian tinggi dengan murah dan ia juga menjimatkan kos pelajaran di samping menyelamatkan foreign exchange di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam aspek ini, MIC adalah dalam proses pembinaan. suatu kolej pengajian tinggi bernama Kolej TAFE di Seremban. Kolej TAFE ini akan memainkan peranan complementary dan supplementary dalam usaha Kerajaan untuk memberi pendidikan tinggi ke seluruh rakyat Malaysia, Saya berharap Kerajaan akan memberi sokongan dan pengiktirafan sijil Diploma dan Ijazah yang dikeluarkan oleh Kolej TAFE ini agar ianya akan menjadi suatu sumber pendidikan pengajian tinggi bagi rakyat berpendapatan. rendah di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin membawa ke perhatian Dewan yang mulia ini adalah berkaitan dengan kemalangan-kemalangan di jalanraya di mana jumlah kematian adalah besar di rantau ini. Pemandu-pemandu di rantau ini digelar sebagai pemandu yang tidak bertanggungjawab dan 'reckless', dengan izin. Dalam sebulan dua ini terdapat beberapa kemalangan yang meragut beberapa nyawa yang tidak berdosa sekali gus. Akibat kecuaiian dan ketidak-pertanggungjawapan pemandu-peraandu kenderaan ini, penumpang-penumpang yang tidak berdosa turut terkorban. Ini adalah suatu fenomena yang amat menyedihkan. Sudahlah sampai raasanya bagi

Kerajaan untuk menahan fenomena ini dan menyelamatkan nyawa penumpang yang tidak berdosa.

Semua jentera Kerajaan termasuk Polis, Lembaga Pelesenan, Kenderaan Komersial, Jabatan Pengangkutan. Jalan, Jabatan Kerjaraya, Lembaga Lebuhraya Malaysia dan lain-lain agensi yang berkaitan dengan kenderaan hendaklah bekerjasama dan coordinate their activities mengurangkan kemalangan. Suatu daripada punca kemalangan adalah 'overloading' kenderaan mereka. Saya sedar pihak penguatkuasa telah mengeluarkan saman kerana pemandu-panandu kenderaan overloading. Akan tetapi setelah membayar denda atau compound, mereka terus berbuat demikian ketika menggunakan jalan raya, dan mereka anggap pembayaran compound atau denda itu adalah sebahagian dari kos perbelanjaan business. Sikap begini hendaklah dikikiskan dan agensi berkenaan hendaklah mengambil langkah yang lebih tegas Kerajaan haruslah mengkaji kemungkinan suspend lesen kenderaan yang didapati bersalah kerana overloading bagi suatu tempoh yang tertentu supaya menjadi suatu pengajaran kepada orang lain.

Satu lagi punca kemalangan adalah overspeeding. Kenderaan yang paling guilty akan jenayah ini adalah kenderaan awam seperti bas ekspres dan teksi. Walaupun Akta Jalanraya mempunyai proviso untuk gantung lesen pemandu secara mandatori bagi kenderaan awam yang melakukan overspeeding, saya amat dukacita mengatakan Implementors kita tidak langsung mengenakan hukuman ini kononnya atas belas kasihan. Sesiapa yang melanggar syarat lesen kenderaan awam, mereka boleh didenda, dipenjara atau kedua-daanya mengikut peruntukan Akta

Jalanraya. Saya sedar dan faham Kerajaan tidak ingin menyusahkan peniaga-peniaga kecil dan syarikat-syarikat dalam urusan perniagaan mereka dengan mengenakan denda-denda yang ketat ini. Akan tetapi jika denda yang bersesuaian tidak menghalang mereka, saya berpendapat mereka harus dikeluarkan dari jalanraya dengan menggantungkan lesen mereka supaya menyelamatkan orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini setelah kemalangan yang ngeri, yang meragut 15 nyawa di Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak, timbul suatu tuduhan yang amat serius, yang patut diberi perhatian yang mendalam. Berbagai-bagai pihak telah menuduh bahawa ada sindiket pengangkut dengan izin, tow truckers yang menuang minyak diesel dan bahan pelincir di jalanraya, di tempat-tempat strategik supaya kenderaan licin mengakibatkan kemalangan dengan tujuan mencari rezeki. Walaupun tuduhan ini tidak dapat dibuktikan, saya percaya tuduhan-tuduhan ini adalah berasas. Kalau tidak, bagaimanakah mereka bekerja berada di tempat kemalangan hanya beberapa minit sahaja kemalangan berlaku. Oleh yang demikian Kerajaan haruslah menggubal undang-undang untuk menyekat aktiviti-aktiviti tow-truck operators ini. Operators pengangkut ini kadangkala mengenakan fee yang tinggi dan berjanji memberi berbagai-bagai perkara semasa pemandu masih dalam kebimbangan kemalangan. Ada kalanya kereta yang mengalami kemalangan itu ditarik ke woksyp yang tidak diiktiraf oleh syarikat-syarikat insuran dan pemilik kereta pula harus memikul bebannya. Oleh yang demikian Kerajaan haruslah mengkaji memperkenalkan beberapa undang-undang untuk menyekat aktiviti-aktiviti Cow-truck operators ini.

Mereka harus dihalang menggunakan jalanraya untuk sengaja mencari rezeki. Mereka hendaklah dibenarkan menarik dan mengangkut kereta yang berkemalangan hanya setelah kemalangan berlaku dan dengan persetujuan pemilik kereta itu. Selain daripada ini pemilik-pemilik kereta komersia! dan kereta-kereta awam seperti bas ekspres dan teksi hendaklah memastikan kenderaan mereka berada dalam keadaan baik, tidak melakukan overloading atau overspeeding dan pemandu-pemandu tidak dibebankan dengan tugas membuat beberapa trip dalam sesuatu hari. Jika sekiranya semua pihak bekerjasama dan agensi-agensi Kerajaan ,kordinate untuk mengambil tindakan, saya percaya kemalangan dapat dikurangkan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang ingin saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini adalah berkaitan dengan rancangan-rancangan Radio dan Televisyen Malaysia yang disiarkan sekarang. Rakyat keturunan India di negara ini amat terkejut apabila program-program Tamil melalui siaran kawasan Radio 6 diberhentikan dengan tiba-tiba. Siaran kawasan dalara bahasa Tamil di negara ini yang diminati oleh peminat-peminat di sekitar Pulau Pinang, Ipoh, Melaka dan Johor adalah amat popular. Peristiwa-peristiwa di rantau tersebut dapat disiarkan kepada rakyat dengan lebih cepat dan jelas, dan ini dapat membantu Kerajaan menyebarkan beritanya dengan baik. Selain daripada itu, peluang telah diberikan kepada artis-artis tempatan untuk menunjukkan bakat mereka. Ramai rakyat biasa mengambil bahagian dalam rancangan-rancangan kawasan ini yang telah memberi

peluang kepada rakyat untuk mengintegrasikan dengan media massa ini. Akan tetapi sebaik sahaja rancangan ini ditamatkan, rakyat di rantau ini hanya berpeluang mendengar rancangan-rancangan kebangsaan dengan kurang emphasis kepada rancangan kedaerahan. Perkara ini adalah amat mendukacitakan. Kebanyakan rakyat keturunan India yang tinggal di ladang-ladang terpencil adalah lebih exposed kepada program-program radio daripada program televisyen kerana kemudahan-kemudahan elektrik. Kebanyakan rakyat keturunan India gemar mendengar rancangan kawasan ini. Oleh yang demikian, saya mengambil kesempatan ini merayu kepada Kerajaan untuk mengkaji semula kemungkinan menyiarkan semula rancangan kawasan dari Radio Malaysia di Ipoh, Pulau Pinang, Melaka dan Johor.

Satu lagi aspek yang saya ingin menyentuh berkaitan rancangan-rancangan RTM adalah berkenaan dengan rancangan-rancangan drama Tamil di RTM. Saya amat dukacita RTM masih mengadakan drama-drama Tamil yang filemnya diimport daripada negara India untuk menjimatkan kos persediaan drama Tamil. Drama-drama Tamil ini adalah kurang sesuai dari segi moral dan etika dan tidak langsung mencerminkan adat resam, budaya dan etika rakyat Malaysia. RTM haruslah menggalakkan artis-artis tempatan dan ahli-ahli industri perfileman tempatan (producers) untuk produce drama Tamil negara ini dengan menggunakan sumber tenaga tempatan walaupun kosnya lebih tinggi daripada drama Tamil yang diimport daripada India. RTM mempunyai obligasi sosial untuk memproducekan drama yang bermutu tinggi seperti drama-drama Melayu yang mencerminkan unsur dan kebudayaan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang kini menjadi perbincangan hangat di kalangan rakyat keturunan India di negara ini sekarang adalah berkaitan dengan tuntutan gaji pekerja-pekerja ladang di negara ini. Seperti sedia maklum, tuntutan gaji pekerja-pekerja ladang melalui NUPW kepada pihak majikan MAPA telah mengakibatkan pekerja-pekerja ladang bermogok, meletakkan toolsnya beberapa hari. Tindakan mogok mereka sudah pasti merugikan mereka sendiri, negara dan lebih-lebih lagi menakutkan pelabur-pelabur asing. Sebarang tindakan mogok adalah tidak baik dan tidak wajar dilakukan oleh mana-mana pihak. Tetapi dengan adanya campurtangan Kerajaan di antara pihak majikan dan pekerja, meja perundingan mula dibuka dan rundingan diteruskan sehingga sekarang. Saya amat

gembira tnelihat beberapa isu telahpun dipersetujui dan pertelagahan akan tamat tidak lama lagi dan kini hampir tamat. Besar kemungkinan pihak majikan MAPA telah bersetuju membayar gaji bulanan kepada pekerja-pekerja ladang . dan saya yakin konsesi ini adalah satu catalyst besar bagi perkembangan industri perladangan di negara ini . Saya yakin dengan adanya gaji bulanan, lebih- ramai pekerja dan belia-belia tempatan akan cenderung masuk bekerja di sektor perladangan negara ini dan secara kebetulan. akan mengurangkan kadar pengangguran di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi ekonomi, Malaysia telah maju dan mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang amat pesat. Rakyat mula dapat menikmati hasil pertumbuhan ekonomi ini dengan .baiknya. Elaun pekerja sektor awam dinaikkan. Beberapa syarikat turut menaikkan gaji pekerja mereka. Keadaan ini adalah sihat bagi perpaduan dan keharmonian rakyat Malaysia di negara ini.

Dalam aspek ini saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini tentang penglibatan rakyat keturunan India dalam sektor ekonomi di negara ini. Penyertaan ekuiti masyarakat India sejak merdeka adalah. amat kurang. Kerajaan haruslah mengambil langkah-langkah yang positif untuk memperbaiki kedudukan ekuiti rakyat keturunan India di negara ini. Rakyat keturunan India secara individu atau melalui syarikat tidak banyak memiliki lesen kewangan di negara ini. Kerajaan hendaklah mehgambil langkah untuk meluluskan lesen kewangan kepada rakyat keturunan India agar golongan ini juga dapat menikmati 'economic cake di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun ramai rakyat keturunan India terlibat dalam industri perladangan getah, hampir kesemua mereka bekerja sebagai buruh pengeluaran sahaja. Tidak ramai rakyat keturunan India memiliki lesen perniagaan getah atau, dengan izin,

rubber dealers' licence. Begitu juga rakyat keturunan India tidak banyak mempunyai lesen membalak dan bijih timah. Kerajaan haruslah mengambil tindakan untuk meningkatkan lagi penyertaan rakyat keturunan India dalam sektor perhutanan, industri timah dan perlombongan serta sektor perladangan dengan memberi lesen dalam bidang-bidang tertentu ini agar mereka dapat menikmati keuntungan dalam sektor tersebut ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya ingin menyentuh sedikit tentang kebebasan manusia dan implikasinya kepada mankind. Setelah begitu lama menderita rakyat kulit hitam di Afrika Selatan mula melihat kejayaan kepada perjuangan mereka apabila tokoh yang menjadi simbol perjuangan kaum kulit hitam Nelson Mandela dibebaskan setelah 27 tahun merengkok dalam penjara. Rakyat sedunia mengalu-alukan kebebasan ini. Pembebasan Nelson Mandela merupakan pengesahan kepada perjuangan anti-apartheid yang diperjuangkan oleh beliau bersama berjuta-juta rakyat kulit hitam dan rakyat seluruh negara, termasuk Ketua-ketua Komanwel semasa Mesyuarat CHOGM di Kuala Lumpur. Pembebasan ini adalah satu kejayaan besar kepada CHOGM walaupun ada sebuah dua negara yang tidak begitu gemar atas pembebasan Mandela. Sungguhpun demikian, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia telah diberi penghormatan selaku Ketua Negara yang pertama menemui Nelson Mandela di Lusaka atas sebab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah pejuang anti-apartheid yang ulung di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik atas ucapan Nelson Mandela di mana beliau mengajak orang kulit putih bersama-sama menegakkan sebuah negara demokrasi dan kepada orang kulit hitam, beliau minta mereka berdisiplin, jangan melakukan jenayah dan kepada

anak-anak sekolah yang mengeneipikan bilik darjah, beliau menasihatkan mereka kembali belajar. Beliau sentiasa menjulang ideal bagi menubuhkan sebuah negara demokratik dan masyarakat bebas di mana semua orang hidup dalam keadaan aman dan damai serta mempunyai peluang yang sama. Inilah ideal yang beliau harapkan sepanjang hidupnya dan mahu melihat ia menjadi kenyataan. Saya pun tertarik dengan ideal ini dan berharap agar rakyat Malaysia juga mencapai ideal ini di bawah pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan pentadbiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dengan kata-kata ini sekali lagi saya menyokong usul Ucapan Terima Kasih kepada Baginda atas Titah Ucapan Baginda pada masa membuka Penggal Keempat, Parlimen Ketujuh. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tiong.

**5.58 ptg.**

**Tuan Tiong Biew King:** Tuan Yang di-Pertua, saya dengan penuh hormat takzimnya ingin bersama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, yakni saya ingin turut menyokong dan mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat, Parlimen Ketujuh baru-baru ini.

Titah Ucapan Baginda telah mencakupi segala aspek, baik mengenai kehidupan rakyat mahupun tentang kemajuan dan kejayaan yang telah dicapai di bidang politik, ekonomi, sosial serta di gelanggang politik antarabangsa. Selain dari itu, Titah Ucapan Baginda juga menyentuh polisi-polisi dan program negara keseluruhannya yang akan terus dilaksanakan dan diusahakan demi untuk memajukan lagi pertumbuhan ekonomi, mengurangkan kadar kemiskinan serta meningkatkan taraf hidup rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam semua aspek yang disentuh oleh Baginda, saya memperhatikan pentingnya perpaduan masyarakat dan kestabilan negara telah ditekankan sekali lagi. Kita juga diseru memainkan peranan masing-masing bagi memastikan keamanan dan kesejahteraan negara.

Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini semua rakyat harus merasa bangga kerana dapat memulihkan ekonomi negara dalam tempoh yang begitu singkat dan prestasi ekonomi bagi tahun lalu juga berada di tahap yang tinggi. Di samping itu kita harus terus bersatupadu dan berusaha bersama-satna sekuatnya demi untuk pertumbuhan ekonomi yang pesat seterusnya. Oleh itu, saya merasakan amatlah wajar bagi Kebawah Duli bertitah memperingatkan setiap kita yang bertanggungjawab supaya mengekalkan semangat patriotik. Maka ahli-ahli politik dan pemimpin-pemimpin masyarakat harus berhati-hati supaya mengelakkan diri dari membangkitkan isu-isu yang boleh menjejaskan perpaduan masyarakat dan kestabilan negara kerana perbuatan itu bercanggah dengan semangat patriotik.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa kali di Dewan yang mulia ini pernah saya membuat rayuan kepada ahli-ahli politik yang bertanggungjawab agar berhati-hati di dalam percakapan mereka dan elakkan dari meluahkan sesuatu yang sensitif. Namun begitu terdapat seorang Ahli Parlimen yang terhormat celah menggunakan Hak Kebebasan dan Keistimewaan yang dijamin oleh Perlembagaan untuk membangkitkan Isu perlantikan Dekan di [Universiti Malaya. Percakapan beliau telah menimbulkan banyak pertengkaran dan perselisihan dalam masyarakat majmuk kita. Tak perlu lagi bagi saya menghuraikan di Dewan yang mulia

ini maksud atau tujuan beliau berbuat demikian. Hal itu banyak telah saya bercakap di dalam masa yang lampau.

Apa yang menyedihkan dan mendukacitakan ialah percakapan semacam itu datangnya dari seorang back-bencher. Kita harus sentiasa ingat adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk memupuk semangat perpaduan di kalangan rakyat kita bagi memastikan keamanan dan kestabilan negara terus terpelihara. Kita tidak boleh bertindak sesuka hati, tak boleh juga mencontohi orang-orang yang tak bertanggungjawab yang mempunyai niat yang terselindung kerana mereka itu selalu sengaja mengambil kesempatan menanggung di air keruh. Kita hanya kluatir bahawa tindakan-tindakan yang tidak bertanggungjawab ini boleh memusnahkan harapan dan masa depan kita yang cerah.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyeru semua pihak terutama ahli-ahli politik dan pemimpin-pemimpin masyarakat supaya dapat sentiasa mengutarakan sesuatu pendapat atau kritik yang membina dan berguna bagi perpaduan, kestabilan dan pertumbuhan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, di tahun-tahun kebelakangan ini, kerana kestabilan politik, iklim pelaburan yang sesuai dan menggalakkan serta adanya sumber-sumber kekayaan semulajadi, pelaburan bertambah dengan pesat. Tetapi ternyata lebih banyak pelaburan datang dari luar. Kita tahu, pencapaian yang cemerlang ada tahun-tahun lepas dalam bidang pelaburan dan pertumbuhan ekonomi seterusnya adalah hasil dari usaha-usaha Kerajaan yang bersungguh-sungguh.

Dilaporkan Yarif Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Encik Ghafar Baba ketika melawat negeri Chile, pernah mengatakan akan menjemput ahli-ahli perniagaan antarabangsa yang terkenal sebagai

tetamu negara dan akan menyediakan tambang murah melalui Penerbangan Malaysia. Segala kemudahan dalam negeri seperti pengangkutan, penginapan dan sebagainya bagi memudahkan mereka melawat dan mengkaji peluang perniagaan dan pelaburan di Malaysia. Usaha beliau adalah satu usaha pula menarik pelaburan asing ke negeri kita demi untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi lebih pesat dan memberi suatu peluang bagi peniaga-peniaga atau pengusaha-pengusaha kita menjalin dan perluaskan hubungan perdagangan dengan rakan-rakan di negeri itu.

Usaha-usaha beliau itu memang tidak dapat kita mencela atau mempersalahkan. Tetapi apa yang ingin saya persoalkan itu ialah keinsafan kita akan perlu dan pentingnya peranan sektor swasta tempatan memainkan dalam pertumbuhan ekonomi. Kita tidak bertujuan untuk menyisih acuan memencilkan pelaburan asing. Kita hanya berharap pihak swasta tempatan iaitu pengusaha-pengusaha tempatan dapat diberi galakan lebih, perusahaan tempatan ditempatkan pada kedudukan yang lebih menguntungkan. Dengan demikian, keluaran kita boleh bersaing dengan barangan asing di pasaran antarabangsa dan rakyat kita sendiri mendapat keuntungan lebih dan faedah lainnya dari perniagaan itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ekonomi, sukacita saya menyentuh sedikit mengenai penggubalan Dasar Ekonomi Nasional selepas 1990, kerana tahun ini merupakan tahun terakhir tempoh Dasar Ekonomi Baru dan juga Rancangan Malaysia Kelima. Kerajaan akan menggubal dasar ekonominya dan menentukan arah perkembangan ekonomi. Maka Kerajaan telahpun membentuk Dewan Perundingan Dasar Ekonomi Nasional selepas tahun 1990 pada tahun lalu dan Dewan itu pun mengadakan mesyuarat-mesyuarat untuk berbincang soal ekonomi negara dengan

tujuan mengemukakan usul-usul berkenaan bagi penggubalan dasar ekonomi selepas tahun 1990 oleh Kerajaan nanti.

Mesyuarat dijalankan secara tertutup. Sesiapa pun tak tahu apa yang telah dibincangkan dan disetujui dalam mesyuarat-mesyuarat itu. Namun begitu, saya ingin mengutarakan di Dewan yang mulia ini sedikit pendapat saya atau buah fikiran saya yang mungkin kurang matang untuk pertimbangan pihak perancang ekonomi kelak.

Untuk memesatkan pertumbuhan ekonomi dan menjadikan negara kita sebuah negara makmur dan kuat dari segi ekonomi, Kerajaan seharusnya, pada hemat saya, mengambil sikap dan langkah agak liberal di bidang pembangunan ekonomi.

Kerajaan boleh membuat pcruntukan undang-undang untuk merangsang pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat ,sambil berusaha meningkatkan taraf hidup rakyat.

Kerajaan boleh menyediakan kemudahan-kemudahan infrastruktur yang perlu bagi mempercepatkan pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kualiti hidup rakyat. Pihak swasta tempatan harus digalakkan untuk memberi sumbangan besar kepada ekonomi negara dalam dekad 1990an di samping usaha Kerajaan menarik pelaburan asing ke negara kita. Jika diberi layanan yang sama seperti apa yang diberi kepada pelabur asing,, pihak swasta tempatan tentu boleh memainkan peranan yang lebih positif di bidang ekonomi bagi menyediakan kita untuk menghadapi cabaran dan persaingan yang dijangka lebih besar, lebih hebat dalam dekad 1990an dan selepas tahun 2000.

Semua modal yang ada pada rakyat kita serta tenaga manusia, cendikiawan, buruh, pengusaha besar dan kecil, tak kira apa suku bangsanya, haruslah dikerahkan dan digalakkan untuk menyertai ke dalam usaha memesatkan pertumbuhan .ekonomi supaya dapat mencipta

lebih banyak kekayaan yang boleh dinikmati oleh semua.

Tuan Yang di-Pertua, peristiwa-peristiwa dan perkembangan yang berlaku di Eropah Timur dan di Russia telah menarik perhatian serius dari negara-negara sedunia baik negara maju mahupun negara membangun. Tetapi apa yang membimbangkan ialah perkembangan-perkembangan di negara-negara itu tidak mungkin akan membawa peluang ekonomi kepada negara membangun, malah boleh menjadi ancaman dan penghalang bagi perkembangan dan pertumbuhan ekonomi kita, kerana tumpuan perhatian dunia Barat akan terpesong dan akan dilentur dari negara-negara membangun ke Eropah Timur dan Russia yang mana lebih banyak peluang tertimbul ekoran pertumbuhan dasar politik dan ekonomi di negara-negara itu.

Oleh itu, Kerajaan harus menimbang keadaan itu, mencari jalan keluar dan membuat persiapan dengan segera, mengambil langkah-langkah yang perlu bagi mengatasi cabaran-cabaran yang mungkin akan kita hadapi. Aspek-aspek tersebut harus juga diambil kira dalam pengubalan ekonomi nasional selepas tahun 1990.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah menyatakan beberapa hari yang lalu bahawa semua pusat pengajian tinggi di seluruh negeri akan diswastakan jika Kerajaan mendapati sesuai untuk berbuat demikian. Beliau juga mengatakan di negara-negara maju kebanyakan pusat pengajian tinggi ditadbirkan oleh pihak swasta dan tidak ada sebab Malaysia tidak boleh berbuat demikian jika sekiranya sektor swasta bersedia mengambil alih.

Saya sangac mengalu-alukan pernyataan itu dari beliau. Langkah pengswastaan ini jika diambil memang boleh mengurangkan beban kewangan dan pentadbiran Kerajaan. Namun demikian, pada hemat saya tidak boleh semua pusat pengajian tinggi kita diswastakan kerana Kerajaan masih mempunyai kewajipan dan tanggungjawab untuk menyediakan kemudahan itu bagi rakyat kita, terutama dari keluarga yang kurang bernasib baik dapat terus menerima pendidikan tinggi dan bermutu dengan perbelanjaan seminima yang boleh.

Jadi, saya berpendapat bahawa untuk mengurangkan beban kewangan, Kerajaan boleh menswastakan setengah-setengah pusat pengajian tinggi itu kepada pihak swasta yang sanggup dan mampu mentadbirkan dan menjalankannya. Sambil itu Kerajaan juga akan dapat memberi kebebasan dan kebenaran kepada pihak swasta untuk

menubuhkan kolej atau universiti yang mempunyai hubungan dan program berkembar dengan universiti-universiti luar yang diakui kelayakan akademiknya itu. Dan Kerajaan hanya memberi bimbingan dan penyeliaan ke atas pengurusan dan pentadbiran serta menambahkan mutu pengajaran dan pendidikan yang tinggi. Dengan itu pusat pengajian tinggi swasta akan boleh diselenggarakan dan dikembangkan untuk menampung pelajar-pelajar yang semakin banyak dalam usaha memenuhi permintaan negara ke atas tenaga yang berilmu dan berpengetahuan tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, di bidang kualiti perkhidmatan dan kemudahan kesihatan, saya ingin juga menyentuh sedikit dengan harapan keadaan perkhidmatan kesihatan khususnya di bahagian Sibuan dapat diperbaiki secepat yang boleh,

Sukacitalah kerana Kerajaan akan terus memberi keutamaan kepada kesihatan keluarga, peningkatan kualiti perkhidmatan dan penambahan kemudahan kesihatan. Pembaikan perkhidmatan dan kemudahan kesihatan adalah sangat perlu dan penting bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat. Maka saya berharap bahawa Kerajaan terutama Kementerian Kesihatan akan mengikut arahan Baginda yang diberi dalam Titah Baginda dengan segera mengambil langkah-langkah menyusul. Sebarang helah tidak diterima. Hendak seribu daya tidak hendak seribu dalih.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat beberapa kali pernah saya membangkitkan di Dewan yang mulia ini soal-soal kekurangan pegawai perubatan dan keadaan kemudahan dan perkhidmatan kesihatan di Rumah Sakit Law King Howe, Sibuan. Pernah juga dijanjikan keadaan yang serba kurang itu akan diperbaiki. Kesalnya hingga sekarang Rumah Sakit Law King Howe masih kekurangan doktor atau pegawai perubatan. Doktor-doktor yang sekarang berkhidmat di rumah sakit itu



Bagi doktor yang baru berkhidmat, mereka diberi gaji S1,470.00 dengan ditambah lagi elaun am dan elaun kawasan, jumlah wang yang akan diterima sebulan ialah \$1,852.00. Tetapi jika dipotong EPF dan cukai pendapatan, pendapatan sebenar yang diterima itu hanya \$1,584.00. Kerana tawaran gaji kurang menarik dan kos penghidupan yang tinggi, maka doktor-doktor meletakkan jawatannya setelah berkhidmat beberapa tahun. Maka sehubungan ini saya merayu kepada Kerajaan, terutama Kementerian Kesihatan boleh menelaah semula dan membuat semakan tanggagaji bagi pegawai perubatan dan doktor pakar.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai langkah-langkah yang diambil oleh Sistem Penerbangan Malaysia baru-baru ini, iaitu penumpang-penumpang akan dikenakan pampasan 25% dari tambangnya atau tidak melebihi 350 jikalau tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Langkah-langkah ini adalah tidak patut diambil walaupun pihak MAS telah memberi banyak alasan untuk membela dan menyokong tindakannya, kerana itu ia telah menimbulkan rasa ketidakpuasan dan kemarahan dari orang ramai terutamanya pedagang-pedagang.

Menurut pendapat umum, penumpang-penumpang tidak boleh disalahkan atas tertimbulnya keadaan penumpang sepertimana dinyatakan itu. Jika kecekapan dan pengurusan perkhidmatan MAS adalah baik, tidak mungkin tertimbulnya keadaan yang tidak diingini itu. Apalagi langkah-langkah MAS Itu telah menyusahkan para bakal penumpang.

Ada satu lagi ketetapan yang patut dimansuhkan, iaitu jika bakal penumpang menaiki kapalterbang pada penerbangan yang bukan ditempahny, walaupun ada kekosongan atau vacancy, dengan izin, ia juga dikenakan pampasan.

Satu lagi ialah ada khabar angin tentang kenaikan tambang kapalterbang bagi penerbangan dalam negeri. Tambang sekarang telah dianggap sangat berat bagi kebanyakan orang. Kita tidak seharusnya membandingkannya dengan orang lain, apa lagi setelah MAS menunjukkan prestasi yang cemerlang dengan keuntungan setiap tahun. Kita sedang berusaha sekuatnya meningkatkan lagi hubungan ekonomi dan perdagangan antara kawasan dalam negeri dan juga dengan negara-negara asing, dengan tujuan memesatkan pertumbuhan ekonomi kita.

Kerajaan selalu menekankan pentingnya perpaduan rakyat dan integrasi nasional. Demi untuk mencapai matlamat itu, rakyat kita harus digalakkan mengadakan lawatan, kunjung-mengunjung dengan disediakan kemudahan semurah yang boleh. Oleh yang demikian, saya berharap pihak Sistem Penerbangan Malaysia tidak akan hanya menitikberatkan kepada perolehan keuntungan tetapi sebaliknya harus berusaha meningkatkan mutu perkhidmatan, kecekapan dan pengurusan perkhidmatannya.

Tuan Yang di-Pertua, Kabawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bertitah supaya Kerajaan berusaha meningkatkan lagi perkhidmatan siaran radio dan TV untuk membina sikap dan pemikiran rakyat dalam usaha mempercepatkan pembangunan negara dan mengekalkan perpaduan rakyat. Dengan panduan ini, saya ingin menyentuh sedikit berhubung dengan peranan Radio dan Televisyen Malaysia dan Lembaga Penapisan Filem di Kementerian Penerangan Malaysia.

Program-program yang ditayangkan dalam RTM kebanyakannya adalah bercorak hiburan semata-mata, ada lagi yang berbau kebaratan. Tidak ada sebarang unsur pendidikan, malah gambar-gambar tayangan

pun banyak menonjolkan nilai kebarat-baratan, unsur kekerasan, balas dendam, tipu muslihat, memperlihatkan perbuatan rogol, perompakan dan sebagainya. Unsur-unsur buruk, keji itu sama sekali tidak menyumbangkan ke arah perpaduan rakyat dan pembentukan rakyat yang berpengetahuan dan bermoral tinggi. Nilai-nilai moral kita yang baik tidak dicerminkan. Adalah menjadi satu tanggungjawab bagi Kerajaan terutamanya Kementerian Penerangan menjaga dan memupuk maruah dan nilai moral yang tinggi di kalangan rakyat kita melalui penyiaran dan tayangan-tayangan gambar. Segala program harus disusun, dibuat dan disiarkan bagi mencapai tujuan tersebut.

Sekarang apa yang saya khawatirkan ialah jika berita itu benar, yakni RTM akan diswastakan nanti, mutu perkhidmatan akan turun sekiranya Kementerian Penerangan dan Lembaga Penapisan Filem tidak menjalankan tugasnya dengan beraungguh-sungguh atau tidak memberi penyeliaan ketat ke atas program-program yang akan disiarkan serta gambar-gambar yang akan ditayangkan. Walaupun masalah semacam ini telah saya bangkitkan di Dewan yang mulia ini, tetapi sampai sekarang, belum lagi ternampak sebarang pembaikan dan perubahan telah diusahakan oleh pihak berkenaan. Oleh yang demikian, saya ingin merayu lagi kepada Kementerian Penerangan, supaya segera mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap masalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Sarawak sangat gembira kerana Seri Paduka Baginda bertitah bahawa pembinaan jalanraya baru dan peningkatan mutu jalanraya yang sedia ada, terutamanya di Sabah dan Sarawak akan terus dilaksanakan, Pertama kalilah penekanan diberi

kepada pembinaan jalanraya baru dan peningkatan mutu jalanraya di Sarawak. Adalah menjadi impian dan hasrat rakyat Sarawak agar Sarawak dapat mempunyai suatu rangkaian jalanraya dan kemudahan pengangkutan yang setaraf dengan jalanraya di Semenanjung. Kerana itu saya ingin merayu kepada Kerajaan, terutama Kementerian Kerjaya dan Kementerian Pengangkutan supaya mengambil berat terhadap Titah Baginda dan berusaha menyempurnakan pembinaan jalanraya Pan Borneo dalam masa yang singkat, sambil meningkatkan mutu jalanraya-jalanraya serta membina jalan-jalan baru di kawasan-kawasan yang mana mempunyai potensi ekonomi di Sarawak.

Saya berharap Kementerian-Kementerian tidak akan mengabaikan tugasnya dan akan berusaha bersungguh-sungguh agar impian kami boleh menjadi kenyataan.

Sekianlah ucapan saya, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya merafakkan sembah ~~mujur~~ <sup>mujur</sup> kasih kepada Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan P.Balaram.

6.29 ptg.

**Tuan P. Balaram:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas keizinan yang diberi kepada saya untuk turut mengambil peluang membahaskan usul menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada masa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua,.Titah Ucapan sulung Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku di Dewan yang mulia ini semenjak menaiki takhta Yang

di-Pertuan Agong, adalah merupakan satu Titah Ucapan Diraja dalam tem poh....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Minta maaf, Yang Berhormat. Bolehkah Yang Berhormat menyambung ucapan esok?

**Tuan P. Balaram:** Boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ini ditangguhkan sehingga hari esok, 20hb Mac, 1990, pukul 2.30 petang.

**Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.**